

Jilid IV
Bil. 9



Hari Khamis
17hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1281]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 1346]**
- Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) [Ruangan 1353]**
- Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) [Ruangan 1356]**
- Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) [Ruangan 1366]**
- Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 1370]**
- Rang Undang-undang Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 1374]**
- Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) [Ruangan 1409]**

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS,
P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR
MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE
YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timblan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN
DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K.
(Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHOONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P.,
A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH
FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Terengganu).

Yang Berhormat TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Bayaran Balik (Termasuk Faedah) (\$ juta)</i>	<i>Jumlah Pungutan Tol Yang Dijangka (\$ juta)</i>	<i>Belanja Pengurusan Bagi Satu Tahun (\$ juta)</i>	<i>Kerugian (\$ juta)</i>
5.	102	20	1.50	80.5
6.	272	36	1.60	234.40
7.	251.6	36	1.70	213.9
8.	231.2	36	1.80	193.4
9.	210.8	40	1.90	168.9
10.	190.4	40	2.00	148.4
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
10	1,666.0	282	15.33	1,368.6
<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Dalam jangka masa pendek Kerajaan memanglah mengalami kerugian, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan akan dapat memungut balik kos pembinaan jambatan itu dalam jangka masa yang panjang, iaitu dalam masa lebihkurang 88 tahun.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi adalah Jambatan Pulau Pinang menanggung kerugian. Saya ingin tahu sama ada Kementerian sedar banyak kenderaan-kenderaan pergi melalui feri dan balik melalui jambatan kerana tambang melalui feri lebih murah daripada tambang jambatan. Apakah cara Kementerian hendak bertindak bagi mengatasi masalah ini?

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar bahawa banyak kenderaan pergi dengan feri dan balik dengan jambatan. Perkara ini memang bukanlah merupai masalah sangat dan pihak Kementerian sedang memikirkan untuk menyelesaikan dan menyelaraskan di antara dua penjur yang berkenaan.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sanggup

menanggung kerugian untuk memberi faedah kepada rakyat bagi menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Apakah Kerajaan bercadang sekarang ini untuk menaikkan lagi bayaran tol di Pulau Pinang?

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah tambang jambatan ini adalah merupakan masalah memberi perkhidmatan sosial kepada rakyat bagi kepentingan rakyat dan masalah untuk menaikkan bayaran tol itu, pada himat saya, sudah tentu Kementerian yang berkenaan sedang memikirkan dari satu masa ke satu masa untuk menyelesaikan masalah ini.

TARAF KEWARGANEGARAAN MALAYSIA—PERMOHONAN

2. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada ramai penduduk yang telah lama bermastautin di Malaysia, setengahnya sebelum kemerdekaan tetapi tidak mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia. Jika sedar, bolehkah Kementerian beliau meluluskan permohonan mereka itu berdasarkan perikemanusiaan dan

juga sumbangan mereka masing-masing terhadap negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk taraf kewarganegaraan Malaysia adalah diproses dan dipertimbangkan setelah seseorang pemohon itu mengemukakan permohonannya kepada Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara. Ini bermakna seseorang yang bukan warganegara dan telah bermastautin lama di negara ini tidak layak sama sekali untuk dipertimbangkan taraf kewarganegaraannya selagi dia tidak mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua permohonan taraf kewarganegaraan adalah ditimbang dengan cermat dan teliti bagi menjamin bahawa taraf kewarganegaraan ini hanya dianugerahkan kepada pemohon yang benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam lain perkataan, permohonan taraf kewarganegaraan tidak diberikan pertimbangan semata-mata berdasarkan kepada tempoh pemastautin seorang pemohon

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan beribu-ribu pemohon masih belum menerima kewarganegaraan mereka, bolehkah Kementerian menyemak semula dasar memberikan kewarganegaraan.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dijelaskan, pertimbangan untuk mendapat warganegara Malaysia dipertimbangkan dengan teliti mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan kita. Tetapi untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, setakat ini masih terdapat sejumlah 3,105 fail yang masih dalam proses oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semenjak merdeka kita telah menerima 2,385,280 permohonan, di mana sejumlah 2,281,819 telah pun diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 3.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—PESAKIT JANTUNG

3. Tuan D. P. Vijandran (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian akan menimbang menubuhkan unit "cardiac" sepenuhnya di Hospital Besar Pulau Pinang termasuk menyediakan pakar-pakar unit tersebut, memandangkan perkhidmatan ini sangat-sangat diperlukan di sini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pesakit-pesakit jantung di Hospital Besar Pulau Pinang dikendalikan oleh pakar-pakar perubatan yang terdapat di hospital tersebut. Jika perlu, pesakit-pesakit dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk rawatan selanjutnya.

Penubuhan Jabatan Kardiologi yang berasingan di Pulau Pinang akan ditimbangkan apabila keadaan membenarkan. Walau bagaimanapun, pakar-pakar perubatan biasa yang ada di Hospital Besar Pulau Pinang digalakkan bagi mendalami kaedah-kaedah kardiologi agar mereka juga boleh mengendalikan kes-kes jantung dengan sendirinya seberapa yang boleh.

BANGUNAN KERAJAAN DICAT SEMULA

4. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Kerjaraya menyatakan memandangkan kepada persidangan PATA yang akan diadakan dalam bulan April dan orang ramai telah dipaksa untuk mengecat semula bangunan-bangunan mereka, apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk memastikan semua bangunan Kerajaan dicat semula juga.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawabkan soalan ini bagi pihak Menteri Kerjaraya, bagaimanapun soalan ini pun ada kena-mengena dengan tugas saya sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, iaitu Kerajaan telah pun mengambil tindakan mengecat semula bangunan-bangunan Kerajaan di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang mana kerja-kerja itu telah menelan belanja sebanyak \$2.3 juta. Kerja-kerja mengecat bangunan itu telah diselesaikan sebelum daripada Persidangan PATA dimulakan.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Menteri saya sendiri, adakah hiasan-hiasan indah gerai-gerai dan juga kedai-kedai, juga persisiran jalan yang ada pada ketika ini di Kuala Lumpur akan dikekalkan atau akan dirombak semula apabila selesai Persidangan PATA?

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan, sebenarnya bahawa apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mengindahkan Bandaraya kita sempena dengan Persidangan PATA, sebenarnya merupakan rancangan biasa yang

diaturkan dan disusunkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kami hanya mengambil kesempatan dengan adanya Persidangan PATA ini untuk mempercepatkan semua kerja-kerja pengindahan Bandaraya itu. Oleh sebab itu, oleh kerana kerja-kerja ini merupakan kerja biasa dan memang akan dijalankan walaupun tidak ada PATA, hiasan-hiasan dan projek-projek pengindahan itu akan berterusan sepertimana biasa selepas daripada Persidangan PATA nanti.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan terima kasih dan tertarik hati dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai rombakan-rombakan dan pengindahan Bandaraya adalah merupakan kerja biasa Dewan Bandaraya, tetapi apabila Persidangan PATA ini menjelang kita lihat kerja itu tergopoh-gapah. Selalunya kerja yang dibuat dalam keadaan gopoh-gapah ini mengalami kerosakan mudah, cepat. Jadi, adakah mutu kerja itu benar-benar dipastikan untuk kekal lama atau untuk memaniskan untuk Persidangan PATA sahaja.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mencuba sama ada kawasan-kawasan pejalan kaki itu merupakan kawasan-kawasan yang dibina secara gopoh-gapah dan tidak tahan lasak dan kiranya dapat dipastikan bahawa tidak dapat tahan lama kerana dibuat dengan cara cepat, saya bolehlah membetulkan perkara-perkara ini. Tetapi suka sah saya memberi jaminan bahawa kita bukan menggunakan bahan-bahan plastik ataupun bahan-bahan yang mudah rosak, kita menggunakan bahan-bahan yang biasa digunakan dalam semua kerja-kerja seperti ini dan saya memberi jaminan bahawa apa yang telah dilaksanakan itu akan berkekalan mengikut hayatnya yang

biasa dan tidaklah akan terkopak-kapek sebaik sahaja delegasi PATA meninggalkan negara kita.

Sebenarnya apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam mengindahkan Bandaraya kita ialah sepertimana yang telah saya sebutkan bahawa ianya dipercepatkan memandangkan Persidangan PATA hendak diadakan dalam bulan April ini dan bagi kerja-kerja yang tidak dapat disiapkan sebelum Persidangan PATA, kerja-kerja ini telah ditangguhkan untuk dimulakan selepas pula Persidangan PATA tamat nanti. Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan ialah untuk mengambil langkah-langkah memperindahkan Bandaraya kita sempena dengan Persidangan PATA dan selepas Persidangan PATA kerja-kerja yang mengambil masa yang lama sedikit akan diteruskan dan usaha-usaha memperindahkan Bandaraya kita dan negara kita akan berterusan seperti mana biasa.

Sukalah saya nyatakan bahawa sudah pasti oleh kerana kita membelanjakan sebahagian besar wang terlebih dahulu pada peringkat awal pada tahun ini melihat kepada Persidangan PATA ini maka sudah tentulah peruntukan yang biasanya disediakan untuk kerja-kerja pengindahan bandar kerana sudah habis dibelanjakan, hanya beberapa wang yang tinggal sahajalah untuk meneruskan kerja-kerja pengindahan bandar dalam masa yang akan datang.

RISDA—KEBUN GETAH ORANG ASLI

5. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan iaitu sama ada beliau sedar atau tidak, bahawa terdapat ada beribu-ribu ekar tanah terbiar kebun getah tua kepunyaan Orang Asli di

Semenanjung ini yang tidak boleh diberi bantuan tanaman semula oleh pihak RISDA, walaupun permohonan telah dikemukakan kepada pihak berkenaan, dengan alasannya kerana tanah-tanah tidak ada hakmilik yang sah dan belum digazette lagi, tidakkah boleh atau bercadang agensi berkenaan supaya mengubah dasar untuk melonggarkan syaratnya terhadap tanah-tanah kawasan Orang Asli yang belum digazette tetapi telah diluluskan sebagai tanah kawasan Orang Asli oleh Kerajaan Negeri, di negeri-negeri berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar bahawa terdapat kebun-kebun getah tua kepunyaan Orang-orang Asli tidak dapat diberi bantuan Tanam Semula kerana tanah-tanah tersebut tidak cukup syarat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh RISDA.

Pada masa ini, Kementerian saya belum lagi bercadang untuk melonggar atau mengubah dasar yang diikuti. Kelonggaran syarat supaya mengecualikan dari syarat perlunya ada hakmilik dan perlunya diwartakan sebagai Tanah Simpanan Orang Asli secara langsung atau tidak akan menggalakkan lebih ramai lagi penerokaan haram ke atas tanah Kerajaan.

Walau bagaimanapun, peraturan yang sedia ada adalah seperti berikut:

- (1) sekiranya kebun yang mereka miliki mempunyai surat hakmilik, mereka boleh mengemukakan permohonan mengikut prosedur biasa;
- (2) tetapi sekiranya kebun yang mereka miliki termasuk dalam kawasan yang diwartakan sebagai Tanah Simpanan Orang

Asli, mereka boleh memohon melalui Pengarah Pelindung Orang Asli Negeri dengan tidak payah mengemukakan surat hakmilik tanah berkenaan.

CUKAI IMPORT ATAS SIMEN/BESI KELULI

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sampai bila kilang-kilang pembuat bahan binaan seperti simen dan besi akan dilindungi melalui cukai import yang tinggi sedangkan perlindungan ini telah memberi keuntungan yang banyak kepada pengilang-pengilang tetapi sebaliknya membebankan kontraktor-kontraktor dan pengguna dengan harga bahan yang tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai import yang dikenakan ke atas simen dan besi keluli adalah bertujuan untuk melindungi pengeluar-pengeluar tempatan daripada kegiatan-kegiatan pengeluar-pengeluar asing yang melambak keluaran-keluaran mereka dalam pasaran Malaysia. Kegiatan-kegiatan lambakan ini adalah mengancam industri-industri tempatan. Kegiatan-kegiatan oleh pengeluar asing ini adalah didorong oleh kegagalan mereka untuk memasarkan sepenuhnya pengeluaran mereka di lain-lain pasaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, walaupun industri-industri tempatan menikmati perlindungan, ini tidaklah bermakna mereka boleh mengambil tindakan sewenang-wenangnya untuk menaikkan harga keluaran mereka. Harga simen dan besi keluli umpamanya adalah dikawal dan ditetapkan oleh Kerajaan.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian mengambil apa-apa tindakan untuk mengurangkan harga simen dan besi kerana sekarang ini harga minyak semua sudah turun, adakah peluang boleh diturunkan lagi harganya?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengkaji seluruh jenis barangan utama, barangan pengguna sekarang ini untuk membolehkan sama ada harga-harga pasaran itu diturunkan daripada kadar yang ada sekarang ini, tetapi bagi besi keluli dan simen kita belum dapat membuat keputusan apa-apa setakat ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini kita tahu implikasi tarif import terhadap simen dan juga besi keluli dan kita faham juga tentang sebab mengapa tarif itu dikenakan, iaitu adanya perlambakan sumber-sumber seperti yang dimaksudkan itu, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, pihak Kerajaan menyeru supaya sektor swasta lebih cekap dari segi pengeluaran, dari segi ekonomi dan tidak bergantung kepada perlindungan dan terus menyeru untuk berkeupayaan bertanding sama ada dalam negeri ataupun luar negeri. Kita maklum bahawa pelaburan Kerajaan dalam simen dan besi keluli adalah banyak, maka soalan saya ialah wajar pihak kerajaan menyeru diri sendiri supaya pelaburannya juga cekap untuk bertanding sama ada perlambakan ataupun tidak.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar Kerajaan untuk tidak memberikan perlindungan secara berterusan dengan tidak ada had dan batasan dari segi tempoh masa, tetapi Kerajaan merasa bertanggungjawab untuk menentukan di peringkat awal, sekurang-kurangnya di peringkat penggal yang pertama, dari segi

perkembangan industri-industri yang penting seperti besi dan simen itu, kita memberikan perlindungan yang sewajarnya kerana soal pelaburan yang besar dan juga merupakan satu bahan yang dianggap strategik dalam "construction industry" ataupun industri pembinaan.

Oleh sebab itu, memanglah menjadi hasrat Kerajaan kita tidak hanya memberikan perlindungan ini secara berterusan dan Kerajaan telah pun menegaskan bahawa kita tidak akan memberikan perlindungan ini dengan tidak ada perkiraan-perkiraan tertentu. Kalau didapati bahawa ada industri-industri yang sudah pun berdiri tegap dan mampu untuk menandingi persaingan di peringkat antarabangsa dari segi mutu dan juga harga yang dikeluarkan oleh mereka, sudah pun ada kes-kes di mana perlindungan ditarik semula untuk membolehkan syarikat ini berkembang tanpa perlindungan cukup dari pihak Kerajaan.

Tetapi dalam hal industri simen dan juga besi keluli sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita ada dalam peringkat-peringkat yang pertama dan kita masih memerlukan satu bentuk perlindungan supaya keadaan pasaran mereka tidak terjejas dan mereka dapat berdiri tegap untuk beberapa ketika sebelum keputusan dibuat untuk ditarik semula perlindungan yang diberikan kepada industri ini.

PENYELUDUPAN BIJIH TIMAH

7. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Kewangan menyatakan sepanjang tahun 1985 hingga akhir bulan Februari tahun ini:

- (a) jumlah kes penyeludupan bijih timah yang berjaya ditangkap;
- (b) jumlah cukai yang dilarikan melalui penyeludupan tersebut; dan

- (c) tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah kes penyeludupan bijih timah yang berjaya ditangkap, sepanjang tahun 1985 hingga akhir bulan Februari tahun ini adalah sebanyak 72 kes. Berat bijih timah yang dirampas ialah 211,120 kg.
- (b) Jumlah cukai yang dilarikan melalui penyeludupan tersebut ialah—\$136,936.00.
- (c) Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membanteras penyeludupan bijih timah sama ada melalui darat ataupun laut.

Langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (i) Pemeriksaan yang lebih ketat dijalankan di pintu-pintu masuk/keluar di seluruh negara. Di samping itu sekatan-sekatan jalan raya juga dibuat sebagai usaha membanteras penyeludupan ini.
- (ii) Rondaan-rondaan laut khususnya di perairan sempadan dengan negara-negara jiran juga telah dipertingkatkan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan, adakah bijih yang banyak diseludup itu kerana harganya murah di Malaysia ini. Keduanya, kita kedapatan bahawa pihak Pasukan Keselamatan kita sahaja yang menangkap yang dapat mengesan, tetapi pihak Singapura tidak pernah

kita dapati mereka mengesan orang yang menyeludup bijih timah ini. Adakah mereka menggalakkan penyeludupan bijih timah di Singapura?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, orang yang menyeludup tidak beritahu sebab-sebab mereka menyeludup. Jadi, kita tidak tahulah sama ada sebab bijih murah ataupun bijih mahal. Tetapi biasanya orang yang menyeludup ini ialah untuk kepentingan mereka, asal boleh buat duit melalui penyeludupan, mereka buat.

Dari segi mengapa hanya kita menangkap, Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa ia menyeludup ini dari Malaysia ke Singapura, maka Singapura kalaupun berlaku di dalam hal ini, tidak mengalami kerugian. Apabila mereka tidak mengalami kerugian, tidak ada sebab mengapa mereka hendak menangkap orang yang menyeludup bijih dari negara kita ke luar negeri.

BENIH PADI BERMUTU

8. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menghasilkan benih-benih padi yang bermutu seperti yang dilakukan oleh negara Thailand dengan menggunakan grade-grade beras seperti yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pertanian.

Mutu beras adalah bergantung rapat kepada jenis benih-benih padi yang digalakkan ditanam oleh petani-petani. Dalam konteks ini, pemilihan benih-benih padi yang baik dan bermutu merupakan kegiatan yang diberi penekanan berterusan dalam

penyelidikan. Tetapi penggredan beras pula adalah dibuat untuk tujuan perdagangan dari segi aspek-aspek kawalan dan sebagainya.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan menjawab bagi pihak Kementerian Pertanian. Soalan saya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menghasilkan benih-benih padi yang bermutu di dalam negara kita ini oleh kerana kita tahu, umpamanya di Thailand, benih-benih yang bermutu dan adakah bersamaan tanah di negara kita ini dengan tanah di negara Thailand?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi, memanglah Kementerian itu memberi penekanan kepada penyelidikan supaya kita menghasilkan benih-benih padi yang tinggi mutunya. Tetapi terpulang pula kepada beberapa faktor seperti baja dan cara menjaga sawah ladang itu, barulah kita dapat menghasilkan padi yang kita katakan padi yang bermutu tinggi seperti yang dihasilkan oleh negara jiran kita.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kementerian Pertanian hendak mendapatkan hasil padi yang banyak, jadi kesukaannya ialah menanam ataupun mengadakan benih padi itu dua musim setahun. Tanaman padi dua musim setahun ini ialah memang mendapatkan banyak hasil dengan cepatnya. Soalan saya, tidakkah Kementerian Pertanian bercadang mengkaji semula untuk menanam padi seperti dahulu setahun sekali dengan padi Siam ataupun dengan lain-lain perkataan beras Siam, kerana beras Siam ataupun benih padi Siam yang panjang-panjang digemari oleh orang ramai. Tidak payah kita mengimport beras ini daripada Negeri Thai sepertimana

rungutan kita kerana payah ataupun Kementerian Perusahaan Awam tidak mahu membawa masuk beras Siam dari Negeri Thai. Kadangkala kita hendak buat kenduri pun tidak dapat beras daripada Thailand. Jadi kalau Kementerian Pertanian mengkaji semula menggunakan benih ini untuk ditanam secara berleluasa dan baik, kita akan membelinya secara banyak dan ianya juga tahan lama. Saya harap jawapan daripada Timbalan Menteri Pertanian sendiri, kalau boleh. (*Ketawa*).

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, memanglah kita membuat penyelidikan ini. Tetapi kalau benih beras Siam tentulah untuk Siam. Jadi kita akan cuba menghasilkan pula benih-benih padi yang akan dikenali sebagai benih-benih padi yang bermutu tinggi untuk negara kita, sebab itulah Kerajaan ada kempen untuk membeli barangan Malaysia. Kita akan juga menghasilkan beras-beras yang panjang dan bagus untuk kenduri-kendara sepertimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu. Insya Allah, kita akan cuba menghasilkan padi-padi seperti begini.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kerajaan kita khasnya Kementerian Pertanian telah banyak mengeluarkan benih-benih padi yang baik. Jadi, bolehkah saya tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, pada masa ini apakah satu jenis padi yang baik yang patut kita tanam di negara kita ini? (*Ketawa*).

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, penyelidikan memang sentiasa dijalankan. Dan benih-benih padi yang mana telah pun kita agihkan kepada petani-petani itu telah pun diselidiki dengan baik dan didapati benih-benih yang baik yang perlu kita tanam di negara kita ini.

EKSPORT MALAYSIA— PENDAPATAN

9. Tuan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan peranan utama yang dimainkan oleh barangan-barangan utama eksport Malaysia dalam menyediakan pekerjaan dan dari segi sumbangan-sumbangan terhadap pendapatan eksport dan Pengeluaran Negara Kasar (GNP). Apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi melindungi industri-industri ini dan bagi memperkukuhkan daya bersaing mereka dalam keadaan semasa di mana berlakunya penurunan harga-harga dan kelebihan stok-stok.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa sektor barangan utama memainkan peranan penting sebagai punca pendapatan eksport Malaysia, Keluaran Negara Kasar dan peluang pekerjaan, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan sektor ini supaya dapat bersaing dengan berkesan terutama sekali dalam keadaan harga barangan utama dunia yang lembab pada masa kini.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk melindungi industri-industri di sektor barangan utama adalah seperti berikut:

- (a) Mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha mengurangkan kos pengeluaran di samping meningkatkan produktiviti dan mutu pengeluaran bagi membolehkan negara menjadi pembekal utama pada paras harga yang kompetitif. Bagi sektor getah misalnya untuk mengurangkan kos pengeluaran, usaha-usaha yang

diambil termasuk mengadakan amalan agronomi yang lebih baik, mempercepatkan tempoh matang, memperkenalkan sistem torehan serta alat torehan yang lebih baik dan meningkatkan kecekapan pengilangan. Begitu juga sektor kelapa sawit di mana selain daripada amalan agronomi yang baik, usaha-usaha penyelidikan juga ditumpukan kepada sitem pemetikan dan pungutan buah-buah tandan kelapa sawit secara mekanikal serta meningkatkan kecekapan peringkat pengilangan.

Di samping itu, untuk meningkatkan produktiviti usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan adalah terus dijalankan yang termasuk penyediaan bahan-bahan tanaman yang baik seperti klon siri RRIM 600 dan 900 bagi getah dan membiak benih-benih melalui tisu-didek bagi kelapa sawit serta menggunakan formulasi baja-baja secara optimum.

(b) Mempertingkatkan pemerosesan lanjut barangan utama di dalam negeri oleh industri-industri berasaskan sumber. Menerusi Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan sumber untuk menambahkan penggunaan barangan mentah di dalam negeri. Berbagai-bagai insentif telah dan akan disediakan untuk memajukan industri-industri tersebut di samping membolehkannya bersaing di pasaran antarabangsa. Di samping itu, industri-industri juga digalakkan untuk meningkatkan lagi teknologi-teknologinya.

(c) Kerajaan sentiasa membantu dalam mengukuhkan pasaran barangan utama Malaysia di luar negeri melalui:

(i) lawatan misi dan rombongan galakan pasaran ke beberapa negara pengguna berpotensi bagi mencari pasaran baru ataupun memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan menganjurkan seminar, persidangan dan pameran di dalam dan di luar negeri dengan tujuan memperluas dan menggalakkan penggunaan barangan utama Malaysia;

(ii) meningkatkan Khidmat Nasihat Teknikal kepada negara-negara pengguna Malaysia; dan

(iii) terus mengadakan dialog di antara Malaysia dengan negara-negara pengguna untuk menyelesaikan dan mengurangkan sekat tarif dan bukan tarif.

(d) Meluaskan permintaan dan penggunaan barangan utama Malaysia dengan meningkatkan penyelidikan aplikasi melalui pengeluaran barangan dan benda-benda yang sesuai. Ini juga bertujuan untuk meninggikan nilai-tokok barangan utama kita di samping menjamin permintaan yang berterusan terhadap barangan utama mentah tersebut.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, setelah harga minyak kelapa sawit menurun harga di pasaran dunia dan mengikut kajian yang dibuat oleh PORIM, minyak kelapa sawit ini boleh dipelbagaikan untuk kegunaan

dalam dan luar negeri. Apakah tidak ada rancangan penggalakan ke arah memberi latihan kepada pengusaha-pengusaha bagi tujuan menambahkan lagi pertumbuhan industri kecil?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama melalui PORIM memang sentiasa mengadakan penyelidikan-penyelidikan tertentu dalam mempelbagaikan penggunaan kelapa sawit ini. Tentang galakan untuk menubuhkan industri-industri kecil daripada penyelidikan PORIM ini, ini tertakluk kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai galakan dari segi komoditi utama kita, kelapa sawit, memang kita akui menampakkan kejayaan dalam tempoh masa yang singkat tetapi dari segi penggalakan getah serta pengeluaranannya, apakah yang telah dan sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan ataupun pihak research, dengan izin, untuk meningkatkan lagi penggunaan dan juga pengeluaran getah kerana mengikut statistik yang terbaru pengeluaran getah kita sejak 10 tahun yang lalu adalah merupakan satu tahap yang sama sahaja iaitu constant.

Satu perkara lagi, penerangan daripada Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan iaitu meningkatnya bahan-bahan alat penoreh getah, setahu saya alat-alat yang dicipta oleh pihak penyelidikan getah kita ini terlalu mahal dibandingkan dengan harga getah. Umpamanya pisau toreh tradisi yang ada hari ini berharga di antara \$2-\$3.50 sebuah tetapi kalau dibeli alat-alat yang terbaru dan moden itu lebih daripada \$300 dengan menggunakan bateri dan sebagainya. Adakah ini bersepadan dengan harga getah yang dikeluarkan?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam saya telah pun menerangkan kegunaan-kegunaan getah yang telah dapat kita capai melalui penyelidikan yang dibuat terutama untuk mengelakkan bangunan daripada runtuh, menggunakan pelapik getah asli, juga jambatan-jambatan dan sebagainya dan melalui penyelidikan juga RRIM telah berjaya, kalau 10 tahun yang dahulu estet-estet hanya mendapat mengeluarkan 1,000 kg satu hektar setahun tetapi pada hari ini sudah mencapai 1,500 kg dan pekebun kecil kalau 10 tahun yang dahulu hasilnya merupakan hanya 600 kg satu hektar setahun, tetapi sekarang sudah sampai ke peringkat 1,000 kg. Ini merupakan adalah pencapaian yang baik melalui research ataupun penyelidikan yang telah kita buat.

Bercakap tentang hal pisau toreh yang begitu mahal, perkara ini akan dikaji semula agar semua pisau-pisau toreh yang moden yang dapat kita keluarkan biarlah seimbang dengan pendapatan harian pekebun-pekebun kecil.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan harga komoditi minyak kelapa sawit terlalu rendah masa sekarang dan persaingan begitu hebat, penyelidikan telah dibuat supaya menjadikan minyak kelapa sawit sebagai minyak petrol dan diesel. Tidakkah Kementerian bercadang hendak mengeluarkan minyak diesel ataupun minyak petrol dari bahan kelapa sawit iaitu menjadikan minyak petrol dan minyak diesel tiruan yang boleh dipasarkan setanding dengan minyak petrol dan minyak diesel seperti juga penggunaan getah tiruan dunia? Jadi kalau kita boleh mengeluarkan getah asli, sekarang kita keluarkan minyak diesel dan minyak petrol tiruan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran

diesel daripada minyak kelapa sawit ini tertakluk kepada harga minyak di pasaran dunia. Kalau dahulu harga minyak di pasaran dunia ialah US\$30 setong adalah menguntungkan kita mengeluarkan minyak diesel daripada kelapa sawit, jika sekiranya harga minyak kelapa sawit adalah di bawah paras \$800 setan tetapi pada hari ini sungguhpun harga minyak kelapa sawit dianggarkan \$600 satu tan, tetapi harga satu tong minyak mentah ialah US\$10. Jadi terpaksa kita mengkaji semula adakah menguntungkan negara jikalau kita menukarkan minyak kelapa sawit kepada diesel.

BANK PERDAGANGAN— MUDAHTUNAI

10. Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesannya terhadap pelabur hingga kini usaha Kerajaan meningkatkan kecairan bank-bank perdagangan apabila syarat-syarat kecairan bank diturunkan daripada 20% kepada 18.5% pada akhir bulan Januari, 1986.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, langkah mengurangkan keperluan mudahtunai untuk bank-bank perdagangan telah diambil dengan tujuan melegakan keadaan mudahtunai di kalangan bank-bank, menggalakkan kegiatan ekonomi serta meninggikan semula kepercayaan peniaga-peniaga. Langkah ini akan menyediakan harta mudahtunai berjumlah kira-kira \$720 juta kepada bank-bank perdagangan. Oleh yang demikian, jumlah sumber yang dapat dipinjamkan untuk pelaburan yang produktif juga telah bertambah.

LAWATAN MENTERI LUAR RUMANIA KE MALAYSIA— TUJUAN

11. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri

menyatakan tujuan lawatan Menteri Luar Rumania ke Malaysia baru-baru ini dan nyatakan hasil-hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Malaysia bersabit dengan lawatan itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan Menteri Luar Rumania ke Malaysia baru-baru ini iaitu dari 12hb-14hb Mac, adalah di atas jemputan saya sebagai Menteri Luar Negeri. Serentak dengan lawatan rasmi tersebut turut berlangsung Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Bersama Mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknik di antara Malaysia dan Rumania. Encik Ilie Vaduva, Menteri Luar Rumania mengetuai delegasi Rumania ke Malaysia ke Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Rumania itu.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Rumania adalah sangat menggalakkan serta mempunyai masa depan yang cerah terutamanya semenjak terjalinnya hubungan diplomatik di antara kedua negara pada tahun 1969. Kedua-dua negara telah bertukar-tukar lawatan di peringkat tertinggi. Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri telah melawat Rumania pada tahun 1983 dan lawatan tersebut telah di balas oleh Perdana Menteri Rumania pada tahun 1985. Perhubungan baik di antara kedua buah negara telah memberikan beberapa hasil yang baik kepada negara Malaysia.

Di akhir lawatan rasmi Menteri Luar Rumania baru-baru ini, kedua-dua belah pihak telah menandatangani Minit Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Bersama Malaysia-Rumania mengenai Ekonomi dan Teknik yang mana mengandungi persetujuan-persetujuan di bidang perdagangan, pelaburan, perkapalan serta khidmat perpakaran.

Semasa lawatan Menteri Luar Rumania tersebut, Malaysia telah cuba mendapatkan sokongan Rumania terhadap masalah Kampuchea dan Afghanistan.

Rumania dan Malaysia juga mempunyai pendirian yang sama di dalam beberapa isu antarabangsa seperti Peperangan Iran-Iraq, masalah Palestine dan isu Antartika. Negara itu juga telah melahirkan pendiriannya yang cintakan keamanan dan menyokong usaha-usaha ASEAN.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Menteri berkenaan daripada setakat ini apakah sektor ekonomi yang mana Rumania boleh memberikan sumbangan kepada negara kita?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang boleh dan mungkin ialah bersabit dengan countertrade yang mana negara kita salah satu daripada cara untuk menambahkan perdagangan cara countertrade adalah satu-satunya yang mana kita berharap akan diadakan dan akan boleh menambahkan perdagangan di antara negara kita dengan negara Rumania ini. Dasar countertrade ini adalah satu daripada supplementary atau tambahan daripada perdagangan biasa yang mana negara-negara yang ada wang asing boleh membeli terus barangan kita dan juga kemungkinan negara-negara ini tidak mencukupi foreign exchange, maka mereka bolehlah secara membeli barangan-barangan kita dengan cara countertrade iaitu pertukaran barangan-barangan buatan mereka ataupun buatan negara-negara lain untuk membeli barangan kita. Ini salah satu cara yang mungkin memberi faedah dan kebaikan kepada negara kita.

HARGA BARANGAN UTAMA— MENSTABILKAN

12. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan harga barangan utama khususnya getah dan kelapa sawit.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Jawapan yang saya beri ini panjang sedikit dan saya cuba percepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus berusaha bagi menstabilkan harga barangan utama negeri ini sejauh mana yang boleh. Seumpamanya Kerajaan telah menyertai Perjanjian Antarabangsa Bagi Getah Asli (INRA) bersama-sama dengan negara-negara pengeluar lain dan negara-negara pengguna. Perjanjian ini dapat menjadi "safety net", dengan izin, mempertahankan harga getah asli daripada terus jatuh ke tahap yang lebih rendah melalui operasi stok penimbal yang telah mengeluarkan dari pasaran dunia lebih kurang 370,000 tan getah asli. Bagi membiayai stok penimbal ini, Kerajaan telah menyumbangkan peruntukan kewangan bersama-sama dengan negara pengeluar lain dan juga negara-negara pengguna yang menjadi ahli INRA.

Bagi kelapa sawit pula, barangan utama ini merupakan lebih kurang 11% daripada jumlah pengeluaran dunia dan 23% daripada jumlah minyak dan lemak yang didagangkan dalam pasaran dunia. Di samping itu minyak kelapa sawit terpaksa bersaing dengan 16 jenis minyak dan lemak yang lain dalam pasaran dunia dan oleh yang demikian adalah sukar untuk mengadakan satu perjanjian antarabangsa bagi menstabilkan harga kelapa sawit oleh kerana pengeluaran-pengeluar bagi berbagai jenis barangan utama ini mempunyai kepentingan yang berbeza-beza.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menghantar misi-misi perdagangan ke pasaran-pasaran baru, di samping berusaha supaya negara-negara pengimport minyak kelapa sawit mengurangkan atau menghapuskan sekatan tarif, dan bukan tarif yang dikenakan. Baru-baru ini Malaysia telah berjaya mendapat persetujuan Kerajaan Jepun untuk menghapuskan cukai import ke atas minyak kelapa sawit sebanyak 30% dan juga Kerajaan Korea Selatan untuk mengurangkan cukai import minyak isirong kelapa sawit daripada 30% kepada 25%.

Di peringkat dalam negeri pula agensi-agensi Kerajaan seperti MARDEC dan RISDA terus membeli getah dari pekebun-pekebun kecil pada harga yang berpatutan dalam pasaran yang lembab dan sebagai saluran pemasaran alternatif bagi pekebun-pekebun kecil. Mengikut kajian, dengan wujudnya pembelian MARDEC di kawasan-kawasan yang tertentu harga getah adalah lebih baik berbanding di kawasan-kawasan yang tidak terdapat kegiatan MARDEC. Pada tahun 1984 dan 1985, MARDEC telah membeli sebanyak 134,000 tan dan 141,500 tan getah asli daripada pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu Kerajaan telah mengkaji semula duti eksport getah di mana harga permulaan dan perkiraan duti telah dinaikkan kepada \$2.10 sekilo sejak April, 1985. Ini bermakna bahawa jika harga getah RSS 3 kurang daripada \$2.10 sekilo sepertimana yang terdapat pada masa ini cukai eksport tidak dipungut. Demikian juga harga permulaan dalam perkiraan duti eksport timah telah ditetapkan pada \$26.40 sekilo mulai April, 1982 dan oleh itu tidak ada cukai eksport timah dikenakan pada masa ini.

Salah satu strategi lagi ialah memperhebatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam

sektor barangan utama untuk menambah produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan mutu. Bagi industri getah asli, usaha-usaha dalam bidang ini termasuklah mencari klon-klon baru yang boleh menambah pengeluaran, mengurangkan tempoh matang pokok getah, mengurangkan tenaga buruh dalam penorehan dan pemungutan latex, pemindahan inovasi penyelidikan kepada pekebun-pekebun kecil, memberi sokongan kepada industri berasaskan getah, meningkatkan mutu teknikal getah dan menambah kegunaan getah asli. Bagi kelapa sawit pula, usaha-usaha penyelidikan PORIM mengenai teknik tissue didik dapat mengeluarkan biji benih yang bermutu tinggi. PORIM juga menjalankan penyelidikan terhadap penggunaan baja, pengurangan penggunaan buruh, pengilangan dan pemerosesan, meningkatkan kegunaan akhir dan pemakanan serta vitamin E daripada kelapa sawit di samping memberi khidmat nasihat teknikal dan tekno-ekonomi.

Bagi meningkatkan nilai tokok barangan utama Malaysia, Kerajaan telah, sedang dan akan mempercepatkan industri berasaskan sumber melalui Plan Induk Perindustrian di mana industri berasaskan sumber adalah diberi tekanan.

Untuk mewujudkan satu sistem penemuan harga bagi barangan utama, Kerajaan memperbaiki operasi perjalanan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) di samping memperkenalkan kontrak-kontrak baru seperti kontrak bagi SMR 20 untuk dinaikkan dalam KLCE.

Akhir sekali Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperkuat perhubungan perdagangan dengan negara-negara pembeli barangan utama Malaysia yang merupakan

pasaran yang besar dan mungkin bertambah bagi eksport barangan utama Malaysia. Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing dan menggunakan dagangan timbal-balas bagi membantu menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan berharap dengan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan masalah yang dihadapi oleh sektor barangan utama, berikutan dari kesan ekonomi sekarang dapat dikurangkan dan membolehkan sektor ini lebih kukuh untuk menyumbangkan kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara pada masa hadapan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Satu dua hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak memperkatakan tentang mempelbagaikan utility bahan utama kita. Kalau kelapa sawit utilitynya dipelbagaikan di PORIM di bawah tadbiran Ketua Pengarah kita dan pakar-pakar kita, tetapi untuk getah asli usaha-usaha ini dibuat di London sana, iaitu di Makmal Tun Abdul Razak. Jadi saya ingin bertanya kalau di London ditadbirkan oleh mereka daripada dunia barat, apakah penilaian pihak Kementerian dari segi prestasi Makmal Tun Razak dari segi utility getah asli?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai dua pusat penyelidikan satu ialah di Sungai Buluh dan satu lagi ialah di London dan kita mendapati bahawa hasil daripada penyelidikan di London ini dan pertukaran maklumat antara dua-dua pusat penyelidikan ini, telah membawakan satu kesan yang baik terutama dari segi pendapatan baru yang telah saya perkatakan semalam

iaitu tentang pelapek bangunan, pelapek jambatan dan juga penyelidikan-penyelidikan yang lain dan kita tidak dapat menidakkan bahawa London adalah merupakan Pusat Perdagangan Antarabangsa dan seringkali dilawati oleh pihak-pihak luar yang ada mempunyai perhubungan dagangan dengan London sendiri dan dengan secara tidak langsung, ini akan mempamerkan penggunaan getah asli kepada mata dunia lebih luas lagi kalau kita letak pusat penyelidikan itu hanya di Kuala Lumpur.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minyak kelapa sawit dapat diimport oleh negara asing kerana harganya murah di negara Indonesia, sungguhpun Indonesia menanam kelapa sawit selain daripada negara kita.

Apa sebabnya, adakah kerana import duti atau lain-lain hal menyebabkan minyak kita mahal daripada minyak negara Indonesia?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita tahu di Indonesia keadaannya adalah sungguh berlainan dengan negara kita oleh kerana kos pengeluaran satu tan kelapa sawit di sana adalah lebih murah daripada kita disebabkan buruh. Bayaran buruh di Indonesia boleh dikatakan lima kali kurang atau lima kali rendah daripada negara kita.

Bagi buruh di Indonesia \$4 duit kita campur makan sehari ramai yang hendak bekerja untuk hanya mengait buah kelapa sawit, tetapi bagi negara kita kalau bayaran itu kurang daripada \$15 adalah sukar untuk kita mendapatkan pekerja-pekerja. Begitu juga soal harga tanah di negara kita adalah lebih mahal daripada harga tanah di Indonesia dan ini mestilah kita masukkan juga dari segi kos perladangan itu sendiri, itu sebabnya

(d) Dengan menguatkuasakan undang-undang dadah yang ada, pihak-pihak penguatkuasa telah menangkap pengedar-pengedar dan penjual-penjual dadah serta mereka yang memiliki dadah dan dikenakan hukuman penjara oleh Mahkamah di bawah Akta Dadah tertentu, atau menahan mereka di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Usaha-usaha untuk menyekat masuk bekalan dadah juga sentiasa dipergiatkan bagi menjadikan dadah satu benda yang sukar didapati, mahal dan berbahaya untuk dimiliki.

Selain daripada langkah ini, usaha-usaha juga dipertingkatkan di bidang pendidikan, pencegahan dan penerangan supaya generasi muda kita dapat mengelakkan diri mereka daripada dipengaruhi oleh kegiatan penagihan. Langkah juga sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan program-program pencegahan dadah secara yang lebih lengkap di bidang kurikulum, dan ko-kurikulum. Pada masa ini di tiap-tiap buah Jabatan Pelajaran Negeri telah pun ada seorang Pegawai Pendidikan Khas Dadah yang bertanggungjawab untuk menggerak, menyelaras, mengawas dan memandu arah semua program dan aktiviti pencegahan dadah di sekolah-sekolah. Usaha-usaha ini adalah bagi memastikan supaya penuntut-penuntut yang akan keluar dari sistem persekolahan ini mempunyai ketahanan diri untuk menentang dan mengelak diri dari dadah.

Program penerangan juga dijalankan dari masa ke semasa secara berterusan yang ditujukan kepada kumpulan-kumpulan sasaran tertentu termasuk juga belia-belia kita. Selain dari tujuan memberi penerangan tentang bahaya dan kesan buruk dadah. Program penerangan tersebut juga bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan mereka yang berkenaan supaya melibatkan diri membantu usaha-usaha kerajaan dalam pencegahan dadah. Setakat ini penglibatan pertubuhan-pertubuhan/persatuan-persatuan sukarela/belia amat mengalakkan.

Masalah dadah adalah wujud dalam sesebuah keluarga itu sendiri. Oleh itu usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini di peringkat "grassroot" sedang dipergiatkan dengan menggerakkan kumpulan-kumpulan ibubapa supaya mengambil sikap yang lebih positif dalam usaha memulih dan mencegah ahli-ahli keluarganya daripada dadah. Dengan usaha-usaha ini adalah diharapkan lambat laun generasi muda kita akan menganggap dadah sebagai satu benda yang kotor, jijik dan jelek.

STESEN RTM 1 DAN RTM 2— MENSWASTAKAN

18. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Penerangan menyatakn adakah Kerajaan merancang untuk mengswastakan stesen RTM 1 dan RTM 2.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai): Buat masa ini Kementerian saya belum lagi

bercadang untuk mengswastakan stesen RTM 1 dan RTM 2.

BERITA TV DALAM BAHASA MALAYSIA

19. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Penerangan menyatakan, tidakkah Menteri sedar banyak rungutan dari orang ramai terutama di luar bandar, iaitu Berita TV pukul 6.00 petang diminta supaya menggunakan Bahasa Malaysia (Bahasa Kebangsaan) semula; jika sedar, bilakah perubahan ini akan dibuat.

Tuan Ng Cheng Kuai: Siaran Berita di Rangkaian I dan Rangkaian II TV Malaysia adalah untuk faedah penonton daripada berbagai kaum dengan menggunakan 4 bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Penggunaan bahasa-bahasa ini adalah bertujuan supaya semua rakyat dapat memahami dasar-dasar Kerajaan dan sama-sama melibatkan diri dalam berbagai usaha pembangunan negara. Di antara bahasa-bahasa ini Bahasa Malaysia adalah merupakan bahasa ulung yang digunakan dalam Berita Perdana dan semua Berita Ringkas, termasuk Berita Tengahari pada hari Jumaat dan Ahad, iaitu apabila TV Malaysia memulakan siaran di waktu pagi. Apabila RTM mempunyai keupayaan nanti, Insya Allah, satu berita lagi akan disiarkan di sebelah petang dalam Bahasa Malaysia.

KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA

20. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pandangan Malaysia sebagai sebuah negara di dalam ASEAN di atas penolakan negara Vietnam iaitu cadangan negara-negara ASEAN supaya diadakan rundingan damai langsung dengan Kerajaan campuran

Kampuchea yang melancarkan perang gerila di Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Seperti kita semua sedia maklum sengketa di Kampuchea adalah berpunca dari penaklukan tentera Kerajaan Vietnam di negara berkenaan yang dengan terang dan jelas melanggar tata susila dan peradaban perhubungan antarabangsa dan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Perbuatan keji Vietnam itu telah dikutuk oleh sebilangan besar masyarakat antarabangsa. Sementara itu, Malaysia berserta negara-negara ASEAN yang lain telah menyeru Vietnam mengundurkan tenteranya dari Kampuchea secepat mungkin.

Sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan Malaysia dan rakan-rakannya dalam ASEAN telah berusaha dengan gigih untuk mencari satu penyelesaian politik yang menyeluruh dalam sengketa di Kampuchea. Kita telah membawa perkara ini ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di mana usaha kita untuk mencari satu penyelesaian politik itu telah mendapat sokongan yang meluas setiap tahun.

Kita juga telah memainkan peranan penting dalam menjayakan Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea (ICK) untuk tujuan yang sama. Selain dari itu, beberapa cadangan damai telah kita kemukakan kepada pihak Vietnam tetapi malangnya cadangan-cadangan itu tidak mendapat reaksi yang baik dari pihak Vietnam.

Deklarasi ICK telah pun menggariskan satu rangka yang besar mengenai satu penyelesaian politik yang menyeluruh bagi masalah Kampuchea. Dengan demikian usaha-usaha terus diterokai supaya pihak-pihak yang bersengketa dapat berbincang sesama mereka untuk mencapai satu kedamaian. Kita berpegang kepada hakikat bahawa

masalah Kampuchea ialah masalah di antara rakyat Kampuchea dengan pihak Vietnam. Dengan ini adalah wajar supaya kedua-dua pihak berkenaan berunding menyelesaikan masalah mereka, sementara peranan ASEAN adalah untuk membantu (facilitate) ke arah perundingan. Dalam konteks inilah ASEAN telah mencadangkan supaya diadakan satu rundingan berperantaraaan (proximity talks) di antara pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dengan Vietnam, di mana pihak Heng Samrin boleh ikut serta dalam delegasi Vietnam.

Seperti yang pernah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 10-12-1985, pertemuan yang diharapkan dari rundingan perantaraaan itu menitikberatkan perkara-perkara berikut yang merupakan aspek yang asas dalam rangka penyelesaian politik yang menyeluruh:

- Pengunduran tentera asing dari Kampuchea.
- Suruhanjaya Pengelola dan Pengawas Bangsa-bangsa Bersatu.
- Perdamaian Nasional (National Reconciliation).
- Pilihanraya di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu.

Baru-baru ini Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea sendiri telah mengambil satu inisiatif dengan mengemukakan satu rundingan damai iaitu Cadangan Lapan-Perkara yang juga menyebut supaya diadakan perundingan di antara pihaknya dengan Vietnam. Cadangan ini juga buat pertama kalinya menyebutkan penyertaan Kerajaan Heng Samrin dalam sebuah Kerajaan Campuran baru yang mungkin dibentuk sekiranya pihak Vietnam bersetuju untuk berunding. Malangnya kedua-dua cadangan ini telah ditolak dengan serta-merta oleh pihak Vietnam. Sikap

Vietnam ini jelas membuktikan pendirian mereka yang bertujuan untuk menyelesaikan sengketa Kampuchea melalui kekuatan tentera.

Walaupun begitu Malaysia dan ASEAN berpendapat Vietnam hendaklah memikirkan semula Cadangan Lapan-Perkara itu kerana cadangan itu adalah sangat "constructive" yang menunjukkan sikap tolak ansur (flexibility) pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea.

KOPERASI—PERKEMBANGAN

21. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah perkembangan semua koperatif dalam negara ini terkawal secara berkesan, khasnya bahagian-bahagian cawangan kewangan (finance section) yang dibuka oleh koperatif-koperatif agar kepentingan ahli-ahlinya dipelihara.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Perkembangan ke atas koperasi-koperasi khasnya bagi koperasi yang menerima deposit adalah terkawal dan memuaskan. Koperasi-koperasi dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar Koperasi sebelum membuka pejabat cawangan. Di dalam usaha untuk memastikan bahawa koperasi-koperasi yang menerima deposit terkawal perjalanannya, Koperasi-koperasi berkenaan juga dikehendaki mendapatkan had maksima deposit yang mereka boleh terima. Seandainya terdapat koperasi-koperasi yang ingin membuat pelaburan, mereka dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pendaftar Koperasi yang akan meneliti sama ada pelaburan itu akan

menjejaskan aliran wang koperasi berkenaan, menguntungkan dan sebagainya.

Dari segi pengesanan (monitoring) ke atas koperasi-koperasi yang menerima deposit itu dikehendaki menghantarkan laporan lengkap mengenai kadar kecairan (liquidity position), kadar wang tunai dan sebagainya kepada pejabat Ketua Pendaftar Koperasi setiap bulan.

TANAH SAWAH TERBIAR— MEMAJUKAN

22. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi galakan yang lebih baik kepada sektor pertanian dengan meminta Kerajaan-kerajaan Negeri membuka lebih banyak tanah untuk program pertanian kepada para pekerja yang telah dibuang kerja tetapi bersedia untuk bertani akibat daripada kelembapan ekonomi negara.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Di bawah Program Mengurangkan Kemelesetan Ekonomi Negara, tumpuan memang akan diberi untuk memajukan tanah sawah terbiar dan juga tanah-tanah lombong. Aktiviti-aktiviti yang akan digalakkan adalah pengeluaran tanaman-tanaman makanan, koko dan kelapa sawit dan bagi kawasan-kawasan lombong khususnya, tumpuan adalah juga kepada aktiviti ternakan dan ternakair. Bagi tujuan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Petugas Peringkat Negeri untuk mengawasi pelaksanaan program-program yang dirancang.

Di antara tujuan utama program ini adalah untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan, khususnya bagi mereka yang telah kehilangan pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi dan juga mereka-mereka yang telah menamatkan pengajian

sekolah, kolej atau universiti. Tenaga kerja mereka akan digembelngkan di bawah kumpulan kerja tani untuk mengusahakan projek-projek pertanian dan sawah terbiar.

Keluasan tanah lombong sebanyak 72,000 ha. di Selangor dan Perak sahaja dan juga tanah sawah terbiar seluas 128,000 ha. dijangka sudah mencukupi untuk memajukan program-program pertanian di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Di samping itu, Akta Galakan Pelaburan 1986 sedang dibentangkan di Persidangan Parlimen sekarang. Dalam Rang Undang-undang ini, ada dicadangkan beberapa galakan diberikan kepada sektor pembuatan, pertanian, pelancongan dan perniagaan. Galakan-galakan yang diberi adalah Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan dan Elaun Eksport.

MARA—PEMEGANG BIASISWA PINJAMAN

23. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) hingga kini adakah didapati pemegang-pemegang biasiswa pinjaman MARA yang tidak membayar pinjaman mereka kepada MARA;
- (b) jika ada, berapa ramai;
- (c) apakah tindakan MARA kepada mereka yang engkar; dan
- (d) adakah MARA telah mengeluarkan Biasiswa untuk Ijazah Ph. D. jika ada, berapa ramai dan jika tidak, mengapa.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Untuk menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan:

- (a) Sehingga kini memang ada pemegang-pemegang biasiswa dan pinjaman pelajaran tidak

membayar hutang mereka kepada MARA.

- (b) Jumlah mereka yang tidak membuat bayaran balik sehingga 31-1-1986 ialah seramai 5,232 orang.
- (c) Bagi mereka yang engkar dan tidak mematuhi syarat-syarat bayaran balik, pihak MARA telah menetapkan peraturan-peraturan berikut:
- (i) Bayaran balik dimulakan 6 bulan dari tarikh jadual bayaran balik ditentukan. Penentuan jadual bayaran balik ini dibuat sewaktu penuntut-penuntut melaporkan diri setelah tamat pengajian.
 - (ii) Sekiranya tiada bayaran, tindakan memberi amaran dengan menghantar peringatan pertama (tempoh 14 hari) dan amaran terakhir (tempoh 30 hari) dikeluarkan.
 - (iii) Sekiranya mereka masih engkar, tindakan undang-undang/Mahkamah akan diambil ke atas pemegang biasiswa dan pinjaman serta penjamin-penjamin mereka.
- (d) Pihak MARA juga ada mengeluarkan biasiswa untuk ijazah Ph. D. dan sehingga 31-1-1986 seramai 2 orang sahaja yang telah menerima kemudahan ini.

ELEKTRIK—MENURUNKAN KADAR BAYARAN

24. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah Kementerian beliau akan menimbang menurunkan

kadar bayaran elektrik bagi penggunaan domestik dan komersial (perdagangan), memandangkan mereka juga mengalami kesan buruk dari kemelesetan ekonomi.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Baru-baru ini Kerajaan telah pun menurunkan kadar bayaran elektrik bagi semua pengguna di Sabah. Di Sarawak, Kerajaan Negeri juga telah berbuat demikian. Di Semenanjung pula, kadar bayaran elektrik telah juga diturunkan kecuali bagi pengguna-pengguna domestik. Sungguhpun demikian kadar bayaran bagi pengguna-pengguna domestik di Semenanjung, secara kasar, adalah lebih rendah daripada di Sabah dan Sarawak.

PENDATANG HARAM INDONESIA

25. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apa sebab pendatang-pendatang haram dari Indonesia dapat begitu bebas di Malaysia dan sama ada beliau sedar pendatang-pendatang haram ini sudah menimbulkan banyak masalah sosial serta mengancam kemelesetan rakyat Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap pendatang-pendatang haram di negara ini dan keadaan ini telah menyebabkan mereka mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak berkuasa Kerajaan. Orang ramai juga telah memberikan maklumat kepada Kementerian Dalam Negeri mengenai kehadiran dan kegiatan pendatang haram di negara ini. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi itu, Kementerian Dalam Negeri, melalui Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia, telah mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang haram ke negara-negara asal mereka.

PERNIAGAAN DALAM PERINDUSTRIAN KECIL

26. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dasar Kerajaan menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai dalam perniagaan dan dalam perindustrian kecil dan dengan itu perjalanan permohonannya bolehkah dipermudahkan dan jika boleh, bagaimana, khususnya berkenaan:

- (a) jenis permit dan lesen yang diperlukan;
- (b) perjalanan untuk mendapatkan permit, lesen dan kelulusannya; dan
- (c) syarat-syarat yang diperlukan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kerajaan sememangnya menggalakkan rakyat mencebur diri dalam perniagaan, khasnya dalam perusahaan kecil di mana bantuan-bantuan tertentu diberikan seperti khidmat nasihat, kemudahan latihan, pinjaman dan sebagainya.

Mengenai permohonan untuk mendapatkan lesen dan permit perniagaan dan perindustrian, peraturan mendapatnya senantiasa dikaji semula. Misalnya borang-borang permohonan dipermudahkan, prosedur-prosedur yang panjang dipendekkan dan mana-mana lesen yang difikirkan tidak diperlukan lagi dimansuhkan.

RUMAH HARGA SEDERHANA— PEMBINAAN

27. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa golongan berpendapatan sederhana termasuk pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan B sukar

membeli rumah kerana tidak layak untuk mendapatkan rumah kos rendah dan tidak mampu membeli rumah harga mahal. Kalau sedar, adakah Kerajaan bercadang membina lebih banyak rumah-rumah harga sederhana antara \$35,000 hingga \$60,000 seunit bagi mengurangkan masalah ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa golongan berpendapatan sederhana termasuk pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan B sukar membeli rumah kerana tidak layak untuk mendapatkan rumah kos rendah dan tidak mampu membeli rumah harga mahal.

Bagi mengurangkan masalah kekurangan rumah kos sederhana dan untuk membantu golongan tersebut membeli rumah, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan.

Di bawah RML, matlamat yang ditetapkan untuk pembinaan rumah-rumah kos sederhana yang berharga di antara \$25,000 hingga \$100,000 ialah sebanyak 180,200 unit. Dari jumlah ini sebanyak 152,300 akan dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Adalah dianggarkan bahawa bilangan unit rumah-rumah yang berharga di antara \$25,000 hingga \$60,000 yang akan dibina tidak akan kurang dari 20% dari jumlah yang disasarkan. Untuk menggalakkan pemaju-pemaju swasta membina rumah-rumah kos sederhana, langkah-langkah tertentu adalah diambil oleh Kerajaan. Di antara langkah-langkah itu ialah mengadakan kemudahan pinjaman kepada pemaju-pemaju dan pembelian-pembeli, menggalakkan pembangunan campuran (mixed development) dan mempercepatkan proses-proses untuk kelulusan tukar syarat serta pecah sempadan tanah dan kelulusan pelan-pelan bangunan.

BERITA TV DALAM BAHASA TAMIL/INGGERIS/CINA

28. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada TV Malaysia akan memberikan masa yang lebih panjang untuk Berita dalam Bahasa Tamil, Inggeris dan Cina.

Tuan Ng Cheng Kuai: Siaran Berita TV dibuat dengan cara yang professional dan jangkamasa yang ditetapkan adalah difikirkan cukup untuk menarik minat penonton tanpa membosankan. Yang perlu bagi sesuatu siaran berita ialah penonton dapat memahami bahan-bahan berita yang disiarkan bagi faedah dirinya sendiri dan negara.

PUSAT ISLAM—DAKWAH ISLAMIAH

29. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi Pusat Islam mengenai aktiviti dakwah Islamiah melalui perang-saraf di kampung-kampung dan desa-desa dan di dalam bandar besar dan kecil di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Pusat Islam, sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri tidak terlibat dalam program perang-saraf. Sungguhpun demikian, ia menjalankan aktiviti Dakwah Islamiah menerusi Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) dengan matlamat antara lainnya untuk:

2. Membimbing dan memberi kefahaman yang sebenar kepada ummah mengenai Islam bagi menghayatinya sebagai "Ad Din al-qayyin" yang meliputi serba bidang kehidupan kebendaan dan kerohanian.
3. Mengajar asas kepercayaan dan cara hidup Islam yang sebenarnya.
4. Memperkenalkan apa yang "hak" dan apa yang "batil".

Bagi mencapai matlamat-matlamat tersebut beberapa strategi telah diatur antaranya:

1. Mengadakan dakwah umum kepada seluruh masyarakat.
2. Mengadakan kursus dakwah kepada berbagai-bagai kumpulan masyarakat.
3. Mengadakan dakwah khas kepada kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat umpamanya kumpulan banduan dan sebagainya.
4. Mengadakan kelas Agama di Jabatan-jabatan Kerajaan dan swasta.
5. Mengadakan kursus dan latihan kepada Kader-kader Dakwah.
6. Mengadakan Kursus Hujung Minggu kepada para Belia dan pelajar tertentu.
7. Mengadakan usaha memakmurkan masjid menerusi satu skim takmir masjid yang dijalankan di seluruh Malaysia dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri. Skim ini telah dilaksanakan pada akhir tahun lepas dan sedang diteruskan. Dengan strategi dan pelaksanaan dakwah yang dijalankan seperti di atas diharap matlamat melahirkan masyarakat Islam yang lebih sempurna akan dapat dicapai dan seterusnya akan

mewujudkan kekuatan ekonomi, pelajaran, sosial dan perpaduan di kalangan mereka.

MAHASISWA MENGANGGUR

30. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Buruh menyatakan sudahkah Kerajaan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan para mahasiswa dan jika langkah-langkah tersebut telah diambil bolehkah beliau menjelaskan langkah-langkah itu.

Menteri Buruh (Dato Lee Kim Sai): Kerajaan memang telah dan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan para mahasiswa. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- menyediakan pekerjaan sementara untuk siswazah-siswazah yang menganggur dengan menempatkan mereka di agensi-agensi atau projek-projek Kerajaan;
- mengadakan latihan dan latihan semula penganggur-penganggur tersebut dalam bidang-bidang yang mempunyai peluang bekerja di pasaran;
- menggalakkan siswazah-siswazah yang menganggur mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya untuk mendapatkan pekerjaan;
- menubuhkan satu pasukan sukarela yang terdiri daripada para ikhtisas dan siswazah untuk bekerja dalam projek-projek tertentu di mana mereka akan dibayar elaun dan pada masa yang sama berpeluang mendapat kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja yang berkenaan.

GURU DAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA

31. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan besar Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara ini;
- (b) bilangan guru yang diperlukan oleh Sekolah-sekolah Rendah Cina Jenis Kebangsaan;
- (c) kadar penurunan dalam bilangan guru-guru sekolah-sekolah tersebut; dan
- (d) sekiranya terdapat penurunan dalam bilangan guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ini, langkah-langkah apakah yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki keadaan ini serta memastikan supaya bilangan guru untuk sekolah-sekolah ini adalah mencukupi.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Jumlah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pada 1985 ialah sebanyak 1,286 buah. Bilangan guru yang diperlukan oleh Sekolah-sekolah tersebut pada 1985 ialah seramai 23,519 orang. Kadar penurunan dalam bilangan guru ("attrition rate") sekolah tersebut adalah 2.0%.

Di antara langkah-langkah positif yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini ialah:

- (i) Menambah lebih ramai lagi bilangan guru-guru pelatih di Maktab-maktab Perguruan dan di Universiti-universiti tempatan.
- (ii) Meneruskan Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang layak dan berpengalaman.
- (iii) Mengkaji kemungkinan untuk mengambil semula guru-guru

terlatih yang telah bersara tetapi masih sihat dan berminat untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sebagai langkah mengatasi kekurangan guru-guru bahasa.

- (iv) Mengisi kekosongan yang ada dengan guru-guru sandaran tanpa latihan.

KONTRAKTOR TEMPATAN— CUKAI

32. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang boleh mengurangkan beban kos import yang dikenakan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dalam menghadapi pencukaian tinggi apabila membawa masuk alat-alat jentera berat dari luar negeri sedangkan kontraktor-kontraktor asing tidak menanggung masalah tersebut; dan
- (b) cadangan dasar Kerajaan di dalam membantu kontraktor-kontraktor tempatan agar sentiasa mendapat kerja-kerja baru.

Dato' Sabbaruddin bin Chik:

- (a) Kementerian Kewangan mendapati tidak ada sebab mengapa kontraktor tempatan terpaksa menanggung masalah pencukaian yang tinggi apabila membawa masuk alat-alat jentera berat dari luar negeri kerana mengikut peruntukan di dalam syarat-syarat kontrak antarabangsa bagi kerja-kerja kejuruteraan awam, kedua-dua kontraktor sama ada kontraktor tempatan atau kontraktor asing adalah dikecualikan daripada cukai kastam dengan syarat alat-alat jentera berat ini di

bawa masuk secara sementara dan ianya perlu di bawa keluar setelah satu-satu kerja siap. Sekiranya kontraktor gagal untuk membawa keluar (re-export) alat-alat jentera berat tersebut, maka barulah kesemua cukai-cukai yang berkenaan dikenakan. Di dalam keadaan di mana kontraktor tempatan yang tidak dapat membawa keluar alat jentera berat tersebut, maka kontraktor berkenaan masih boleh mendapatkan semula perbelanjaan ke atas cukai kastam dengan cara menyewakan (leasing) alat jentera berat berkenaan untuk digunakan dalam projek-projek yang lain.

- (b) Pada masa sekarang, semua projek-projek Kerajaan dan Agensi Kerajaan yang bernilai \$10 juta ke atas (kecuali bagi pembinaan bangunan) sahaja yang akan dipanggil secara antarabangsa di mana kontraktor-kontraktor asing boleh mengambil bahagian. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada keadaan kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara pada masa ini, maka Kerajaan (Kementerian Kewangan) telah menyemak semula peraturan semasa dan memutuskan supaya pada masa hadapan semua tender-tender kerja dipanggil secara tempatan, kecuali bagi kes-kes berikut:

- (i) Kerja-kerja/projek-projek yang dibiayai oleh Institusi Kewangan Antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan sebagainya di mana telah disyaratkan

supaya tender-tender dipanggil secara antarabangsa; atau

- (ii) Bagi projek-projek di mana Kerajaan telah berpuashati bahawa tidak ada kepakaran di dalam negeri.

Peluang kontraktor-kontraktor tempatan untuk mendapatkan kerja juga akan meningkat hasil daripada ketetapan Kerajaan yang menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah-rumah kos rendah, pembinaan lebuh raya dan lain-lain di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML). Adalah diharapkan bahawa dengan cara ini dapat meningkatkan peluang dan penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan dalam menjalankan projek Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain di samping membantu usaha Kerajaan mengurangkan pengaliran keluar wang negara.

MATA PELAJARAN KEWARGANEGARAAN

33. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan iaitu apakah unsur-unsur mata pelajaran Kewarganegaraan yang akan diajar pada semua sekolah dalam masa tiga tahun lagi dari sekarang sebagai mata pelajaran wajib di sekolah di negara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan adalah satu mata pelajaran baru untuk menggantikan mata pelajaran Sivik masakini. Dalam perancangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), mata pelajaran ini akan dijadikan teras dan wajib bagi semua pelajar.

Mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan ini menekankan

tiga aspek utama, iaitu sejarah, kebudayaan dan pembangunan. Melalui ketiga-tiga aspek ini, pelajar-pelajar akan diberi kefahaman dan kesedaran tentang asas-asas kenegaraan, ciri-ciri kemasyarakatan, kebudayaan serta usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara.

Matlamat mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan ini adalah untuk membekalkan para pelajar dengan pengetahuan yang relevan mengenai negara dan bangsa serta pemupukan sifat-sifat kerakyatan dan keperibadian selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Oleh itu mata pelajaran ini bukan sahaja menitikberatkan pengetahuan tetapi juga aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dapat memupuk semangat patriotik, kekitaan, berdisiplin dan bekerjasama serta perasaan bangga terhadap negara dan bangsa.

Adalah dijangkakan, menjelang tahun 1989, mata pelajaran ini akan diajar secara formal sebagai satu mata pelajaran dengan menggunakan modul-modul di semua peringkat persekolahan.

BORANG PENDAFTARAN PERNIAGAAN

34. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada borang-borang pendaftaran perniagaan yang berkenaan boleh disediakan dalam bandar dan daerah dan tidak hanya terdapat di Pejabat Pendaftaran Perniagaan di Kuala Lumpur sahaja.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Borang-borang Pendaftaran Perniagaan sememangnya boleh didapati di semua Cawangan-cawangan Pejabat Pendaftaran Perniagaan di Johor Bahru, di Ipoh, di Alor Setar, di Kota Bharu, di Batu Pahat, di Segamat, di Melaka, di

yang terkandung di dalam Rukunegara.

penyertaan Bumiputera dalam perniagaan stesyen minyak sehingga hari ini.

BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN STESYEN MINYAK

40. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan perkembangan yang telah dicapai dalam usaha meningkatkan

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Perkembangan yang telah dicapai dalam usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan stesyen minyak sehingga akhir tahun 1985 adalah seperti jadual di bawah:

KEDUDUKAN PENGUSAHA-PENGUSAHA STESYEN MINYAK PADA TAHUN 1985

Syarikat Utama	Bumiputera		Bukan Bumiputera		Syarikat		Jumlah	
	Bil Pengusaha	Bil Volume (Liter)	Bil Volume (Liter)	Bil Volume (Liter)	Bil Volume (Liter)	Bil Volume (Liter)	Bil Volume (Liter)	
1. Esso (M) Bhd ...	88 (26%)	121,661,422 (28%)	251 (74%)	313,043,145 (72%)	—	—	339	434,704,567
2. Shell (M) Trading Sdn Bhd	159 (25.1%)	266,601,429 (19.7%)	475 (74.9%)	1,089,217,553 (80.3%)	—	—	634	1,355,818,982
3. Caltex Oil (M) Bhd ...	42 (23.5%)	68,974,250 (21.3%)	137 (76.5%)	255,283,075 (78.7%)	—	—	179	324,257,325
4. Mobil Oil (M) Sdn Bhd	30 (30%)	2,501,141 (21%)	70 (70%)	9,397,402 (79%)	—	—	100	11,898,543
5. BP (M) Sdn Bhd ...	25 (26.9%)	59,150,038 (22.2%)	68 (73.1%)	207,496,104 (77.8%)	—	—	—	—
6. Petronas Dagangan Sdn Bhd	132 (83%)	693,179,285 (84.3%)	—	—	27 (17%)	129,413,875 (15.7%)	159	3,215,918,719
JUMLAH ...	476 (31.6%)	1,212,067,565 (37.7%)	1,001 (66.5%)	1,874,437,279 (58.3%)	27 (1.9%)	129,413,875 (4%)	1,504	3,215,918,719

* Stesen minyak yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat utama minyak.

LESEN SENJATAPI YANG DIKELUARKAN

41. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah lesen senjatapi yang telah dikeluarkan dan jumlah lesen-lesen yang telah ditarik balik.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Disember 1985, jumlah lesen senjatapi yang telah dikeluarkan ialah 140,546 dan jumlah lesen yang ditarik balik ialah sebanyak 5,701.

BEDAH PLASTIK DI PUSAT KECANTIKAN

42. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada didapati pakar-pakar palsu yang menjalankan bedahan plastik di Pusat-pusat Kecantikan (Beauty Saloons), jika ya, apakah tindakan yang diambil.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan sedar bahawa terdapat beberapa aduan ke atas Pusat-pusat Kecantikan yang menjalankan bedah plastik ke atas wanita-wanita oleh pakar-pakar palsu.

Bahagian Farmasi di Kementerian Kesihatan telah mengadakan perbincangan dengan pihak polis dan juga menjalankan penyiasatan terhadap beberapa tempat di mana disyaki bahawa pembedahan plastik ada dijalankan oleh pakar-pakar palsu.

Sebanyak 5 buah Pusat Kecantikan di Wilayah Persekutuan dan 3 di Pulau Pinang telah diperiksa pada hujung tahun 1985.

Dalam pemeriksaan premis-premis tersebut, pegawai-pegawai kami tidak mendapati sebarang bukti yang menunjukkan bedahan plastik ada dijalankan.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengawasi keadaan ini dan penyiasatan dan pemeriksaan masih dijalankan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diterima daripada orang awam.

PENCEN—MENGURANGKAN KADAR BAYARAN

43. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar bayaran pencen kepada kakitangan awam yang bersara memandangkan keadaan ekonomi yang meleset sekarang.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan kadar bayaran pencen kepada kakitangan awam yang telah bersara sungguhpun keadaan ekonomi yang meleset sekarang.

RAPAT UMUM— MELONGGARKAN SYARAT

44. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri dalam Negeri menyatakan bilakah kerajaan bercadang akan melonggarkan

perintah supaya rapat-rapat umum boleh dibenarkan semula di seluruh negara, jika kerajaan bercadang melonggarkan sekatan ini, sudahkah kerajaan mengkaji kesan-kesan buruk dari ucapan-ucapan di rapat-rapat umum itu boleh menaikkan semangat orang ramai dalam sesuatu isu tertentu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat bagi membolehkan rapat-rapat umum diadakan sepertimana kerajaan pernah membenarkannya sebelum berlaku Peristiwa 13hb Mei, 1969. Langkah ini diambil bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam tidak dicabuli oleh mana-mana pihak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

3.39 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Bagi Menggunakan Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,099,509,560 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk pelbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1986 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1986. Dengan tambahan sebanyak \$2,099,509,560 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1985 berjumlah \$16,382,808,140. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan tanggungan yang berjumlah \$7,577,291,200 maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1985 menjadi \$23,960,099,340.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.45 *ptg.*

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang

yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Walaupun bagaimanapun, saya difahamkan bahawa peruntukan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini telah pun dibelanjakan, mungkin telah pun habis dibelanjakan. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin menyarankan sedikit sebanyak berkenaan dengan perkara-perkara ataupun peruntukan-peruntukan yang akan dibuat pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peruntukan daripada Kementerian-kementerian berkenaan apabila diminta untuk tambahan, saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan supaya betul-betul meneliti bahawa projek-projek, program-program ataupun peruntukan-peruntukan yang diminta oleh pihak Kementerian itu mesti diawasi dan dikaji sedalam-dalamnya, sama ada projek yang akan diminta tambahan itu betul-betul memberi faedah kepada rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu saya dapati setengah-setengah projek yang dibuat adalah tidak mengikut projek jangka panjang, semua membuat projek jangka pendek, kerana saya rasa perkara ini akan merugikan wang negara kita. Misalannya, setengah-setengah jalan itu masih lagi elok tetapi diperbaiki untuk diperbetulkan. Saya rasa ini tidak mustahak untuk membuat pembetulan jalan itu kerana jalan yang sedia ada ini boleh lagi digunakan dengan begitu baik tetapi oleh kerana Kementerian-kementerian yang berkenaan berkehendakkan peruntukan tambahan dan telah dipohon kepada pihak yang berkenaan, saya minta supaya mengawasi, meneliti sama ada projek ini betul-betul mustahak ataupun memberi manfaat kepada rakyat.

Satu lagi misalan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa setengah-setengah projek yang dibuat itu ialah untuk jangka pendek, misalannya kita buat masjid, bahawa masjid itu kita dapat ramai orang yang hendak menggunakan masjid itu tetapi kita buat begitu kecil sekali. Apabila sampai setahun, dua tahun kita terpaksa tambah masjid itu. Jadi apabila sampai masa kita terpaksa menggunakan wang yang begitu banyak kerana mengikut keadaan inflasi ataupun keadaan matawang kita naik daripada satu masa ke satu masa. Jadi perkara ini perlu diingatkan bahawa sesuatu projek yang kita hendak buat itu mestilah kita kirakan dari segi jangka panjang supaya kita dapat menjimatkan wang negara kita.

Jadi sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap? Kalau tidak ada lagi, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menjawab.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas pandangan Yang Berhormat saudara Fadzil bin Mahmood mengenai penelitian yang harusnya dibuat oleh Kementerian Kewangan sewaktu menimbang sesuatu peruntukan bagi satu-satu tahun supaya tidak perlu dibawa ataupun dibuat anggaran tambahan di masa-masa akan datang. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, memanglah seboleh-bolehnya Kementerian Kewangan pun tidak suka membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tetapi kadangkala walaupun kita berhati-hati, walaupun kita memeriksa dengan teliti tetapi terpaksa juga kita lakukan khususnya oleh sebab perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.

Misalannya, dari segi pertambahan jalan oleh kerana Yang Berhormat tadi menyebutkan jalan, kita meminta pada kali ini misalnya \$4 juta ini terpaksa dipohon oleh sebab jalan Jerangau/Jabor rosak oleh sebab laluan yang berlebihan dan sebagainya, itu perlu kita membuat tambahan. Dan yang lain-lain tentang masjid tadi, sebenarnya tidak ada di dalam ini, kita tidak ada meminta wang untuk menambahkan masjid, itu misalan sahaja agaknya disebutkan. Jadi, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telah dibincang dan disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.54 ptg.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memindahkan bidang kuasa dan tanggungjawab bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 daripada Yang Berhormat Peguam Negara kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman.

Perkhidmatan bantuan guaman mula ditubuhkan pada bulan Ogos, 1970 mengikut Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat No. 39/1970 (P.U. (A) 257) yang kemudiannya dikanunkan oleh Parlimen sebagai Akta Bantuan Guaman 1971 yang mula berkuatkuasa pada 30hb April, 1971 dan ianya diletakkan di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Peguam Negara. Ini adalah sejajar dengan kehendak perenggan 2 dalam Huraian kepada Akta yang berbunyi seperti berikut, dengan izin:

"2. The administration of the law is being carried out by the Director of Legal Aid who is appointed from amongst members of the Judicial and Legal Service who shall be under the direct supervision of the Attorney General. To assist the Director in performing his functions, the Attorney General may also appoint persons bearing such designations as he may think fit."

Yang Berhormat Peguam Negara pada masa itu ialah juga menjadi

seorang ahli Jemaah Menteri. Dalam tahun 1980, apabila pemegang jawatan Menteri Undang-undang dan Peguam Negara meletakkan jawatannya, seorang Peguam Negara yang baru telah dilantik dan beliau tidak terdiri dari salah seorang ahli Jemaah Menteri. Walaupun terdapat perubahan ini, peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 tidak dipinda dan Peguam Negara terus menjadi pegawai yang bertanggungjawab di atas perkhidmatan Bantuan Guaman. Kedudukan ini berterusan sehingga pada 17hb Julai, 1984 iaitu apabila Kerajaan telah menubuhkan semula Kementerian Kehakiman Malaysia dengan meletakkan di bawah Kementerian tersebut 4 Jabatan iaitu Jabatan-jabatan Kehakiman, Pemegang Amanah Raya, Pemegang Harta dan Perkhidmatan Bantuan Guaman, P.U. (A) 46 bertarikh 24hb Januari, 1985 telah mengwartakan pindaan kepada Jadual kepada Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 1983, yang disifatkan mula berkuatkuasa pada 17hb Julai, 1984. Bersesuaian dengan keputusan ini Kerajaan pada 28hb Ogos, 1985 telah bersetuju untuk meminda kuasa-kuasa Yang Berhormat Peguam Negara di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 kepada Menteri Kehakiman Malaysia.

Bagi Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini sepertimana yang disebutkan tadi, Akta-akta berkaitan seperti Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (disemak 1972), Akta Pemegang Amanah Raya 1950 (disemak 1981) dan Akta Kebankrapan 1967, kesemuanya mengandungi perkataan "Menteri" di dalamnya dan oleh yang demikian dengan sendirinya terus diletakkan di bawah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kehakiman seperti yang terkandung di dalam P.U. (A) 46 bertarikh 24hb Januari, 1985 itu.

membiaiyai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1985 adalah berjumlah \$2,259,542,560 tetapi sebanyak \$2,099,509,560 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$160,033,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, 1985 yang asal dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1985.

Tambahan terbesar sebanyak \$2,000,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 30, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Dengan tambahan ini, peruntukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1985 berjumlah \$3,000,000,000 iaitu termasuk \$1,000,000,000 yang telah diluluskan dalam anggaran asal tahun 1985.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$54 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Tambahan ini diperlukan untuk membolehkan Kerajaan menyerahkan kepada Keretapi Tanah Melayu bayaran pampasan ke atas pengambilan balik tanah miliknya oleh Kerajaan Singapura di Republik tersebut. Bayaran pampasan bagi mengambil

balik tanah tersebut telah pun diterima oleh Kerajaan Malaysia daripada Kerajaan Singapura.

Tambahan sebanyak \$35,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 33—Kementerian Perusahaan Awam sebagai pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara bagi menambah modal Lembaga tersebut untuk membeli padi tempatan.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, tambahan peruntukan adalah dikehendaki bagi Maksud-maksud Bekalan seperti berikut:

Sebanyak \$4,000,000 adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 61—Kementerian Kerjaraya bagi membiayai kerja-kerja pembaikan Jalan Jerangau-Jabor di Terengganu.

Sebanyak \$2.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 35—Kementerian Dalam Negeri bagi menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan di bawah Program Pentadbiran Am.

Sebanyak \$2.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 13—Kementerian Kehakiman untuk menampung bayaran emolument bagi kakitangan baru, sewaan ruang pejabat di Bangunan KUWASA, Kuala Lumpur, kerja-kerja menyediakan ruang pejabat dan pembelian alat-alat perabot serta kelengkapan pejabat.

Sebanyak \$1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk membiayai kos pembelian peralatan komputer dan mesin penyalin bagi menambah keupayaan komputer yang sedia ada.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, sekatan-sekatan kepentingan ke atas tanah-tanah adat Melaka telah diperluaskan lagi untuk meliputi penggadaian, pengujudan lien, pendaftaran caveat, pengujudan amanah dan perletakan hak menurut probet dan surat mentadbir pusaka kepada orang-orang bukan Melayu. Walau bagaimanapun, sekatan-sekatan ini masih belum dapat menjamin bahawa tanah-tanah adat Melaka tidak akan terlepas kepada orang-orang bukan Melayu. Memandangkan bahawa kelemahan-kelemahan masih wujud dalam undang-undang tanah adat itu, maka adalah difikirkan wajar bagi sekatan-sekatan kepentingan yang sedia ada disemak semula dan diperketatkan lagi bagi memastikan tanah adat Melaka kekal dimiliki oleh orang-orang Melayu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menghuraikan secara ringkas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan ini. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1986 ini mengandungi 11 Fasal sahaja.

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas bagi Akta (Pindaan) ini.

Fasal 2 bertujuan meminda Takrif "tanah adat" bagi meliputi tanah-tanah milik yang telah di"endorse" sebagai tanah adat Melaka dan tanah yang telah diberi milik semula atau dilupuskan oleh Pihak Berkanun Negeri selepas ianya dilucuthak, dengan izin, "forfeited" atau diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Pindaan ini akan membolehkan jumlah tanah adat Melaka yang ada sekarang diperluaskan lagi dan ini akan menjamin pemilikan tanah adat oleh orang-orang Melayu sahaja di masa-masa hadapan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, takrif Melayu yang begitu ketat dilonggarkan bagi tujuan mempercepatkan pembangunan tanah adat Melaka. Untuk tanah jenis bangunan dan industri dicadangkan supaya takrif "Melayu" juga meliputi orang-orang Melayu yang tidak dilahirkan di negeri Melaka. Dengan pindaan kepada takrif tersebut, tanah-tanah adat yang dimajukan untuk kawasan perumahan, perniagaan dan perindustrian akan dapat dipasarkan kepada orang-orang Melayu negeri ini dan ini akan membolehkan pembangunan tanah adat Melaka dipertingkatkan lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan membolehkan syarikat yang dipunyai sepenuhnya oleh orang-orang Melayu untuk memiliki dan mengurusniagakan tanah adat Melaka, satu takrif baru diperkenalkan iaitu "Syarikat Tanah Adat Melaka", atau dengan izin, "Malacca Customary Land Company" selain daripada syarat bahawa syarikat itu hanya dimiliki oleh orang-orang Melayu sahaja.

Artikel-artikel Pertubuhan atau, dengan izin, "Articles of Association" hendaklah melarang pindaan saham-saham kepada orang-orang bukan Melayu dan hendaklah juga menyatakan bahawa salah satu objek syarikat itu adalah untuk mengurusniagakan tanah adat Melaka. Dalam hubungan ini, syarikat yang dipunyai oleh orang Melayu Melaka boleh mengurusniagakan semua jenis tanah adat, manakala syarikat yang dipunyai oleh orang-orang Melayu yang bukan Melayu Melaka boleh mengurusniagakan hanya tanah jenis bangunan dan industri.

Fasal 3 pula bertujuan untuk meminda gelaran jawatan "Pemungut" kepada "Pentadbir Tanah", sesuai dengan pindaan yang telah dibuat dalam Kanun Tanah

Negara. Perkataan "Pemungut" digantikan dengan perkataan-perkataan "Pentadbir Tanah" di mana-mana kedapatan dalam Bahagian VIII, Akta tersebut.

Fasal 4 meminda seksyen 108 (1) (c) bagi membolehkan caveat Pendaftar dimasukkan untuk menjaga kepentingan Kerajaan dan juga untuk mencegah sebarang urusniaga yang tidak teratur sekiranya berlaku apa-apa kesilapan dalam dokumen hakmilik bagi tanah adat Melaka. Di samping itu, ditambah peruntukan baru seksyen 108 (1) (f) mengenai satu lagi sekatan kepentingan terhadap tanah adat, iaitu Surat Perwakilan Kuasa, dengan izin, "Power of Attorney" tidak dibenarkan diberikan kepada orang yang bukan Melayu.

Pindaan juga dibuat kepada seksyen 108 (2) dengan tujuan mengasingkan pemegangan gadaian tanah adat Melaka dan penerimaan pindah milik tanah adat Melaka. Orang-orang atau badan-badan yang layak memegang gadaian tanah adat Melaka disenaraikan dalam Jadual Keenam dan orang-orang atau badan-badan yang layak diberi milik tanah adat ataupun menerima pindahmilik tanah adat adalah seperti disenaraikan dalam Jadual Ketujuh.

Pindaan kepada seksyen 108 (6) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk meminda Jadual-jadual Keenam dan Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 108 (a), 108 (b), 108 (c) dan 108 (d). Peruntukan-peruntukan baru ini menggariskan langkah-langkah perlucutan hak, dengan izin, "forfeiture" terhadap tanah adat yang dimiliki oleh, digadaikan atau dipajak kepada sebuah syarikat yang tidak layak lagi menjadi syarikat tanah adat Melaka

kerana ianya telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam takrif yang berkenaan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 109 dengan menggantikan sub-seksyen (2) dengan peruntukan baru mengenai "pengendorsan" kemasukan semula, dengan izin, "re-entry" tanah adat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Catatan tersebut akan dibuat dalam dokumen hakmilik daftar yang berkenaan. Subseksyen (3) dan (4) dipotong kerana peruntukan yang sama telah dimasukkan dalam seksyen 108 (2) dan (6).

Tuan Yang di-Pertua, fasal 7 bertujuan memperuntukkan bahawa selepas catatan Tanah Adat Melaka dibuat atas kedua-dua dokumen hakmilik daftar dan dokumen hakmilik keluaran tanah yang berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam bahagian 8, Akta itu.

Fasal 8 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 109B dan 109C. Seksyen 109B memperuntukkan bahawa mana-mana tanah adat yang kembali kepada Pihak Berkuasa Negeri atas sebab-sebab perlucutan hak forfeiture, dengan izin, akibat kemasukan semula kerana melanggar peruntukan-peruntukan dalam bahagian 8, tidak boleh diberi milik semula atau dilupuskan kepada orang bukan Melayu atau mana-mana orang atau badan yang tidak termasuk dalam Jadual Ketujuh.

Seksyen 109B juga memperuntukkan bahawa sekiranya tanah-tanah ini diberi milik semula ianya hendaklah diberi milik untuk selamanya, dengan izin, in perpetuity dan hakmilik tanah tersebut hendak didaftar dalam Daftar Tanah Adat Melaka.

Seksyen 109C pula memperuntukkan bahawa sekiranya mana-mana tanah adat yang diserahkan kembali

kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara, tanah itu hendaklah kembali dan diletakkan kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan. Peruntukan dalam seksyen 109B hendaklah terpakai kepada tanah adat yang diserahkan balik kepada Pihak Berkuasa Negeri. Secara ringkas peruntukan-peruntukan baru dalam seksyen 109B dan 109C bertujuan untuk mengekalkan status Tanah Adat Melaka yang dilucut hak atau diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 9, 10 dan 11 merupakan pindaan-pindaan susulan yang diperlu dibuat.

Fasal 9 bertujuan menambahkan 3 borang baru iaitu borang "M", "N" dan "O" bagi memberi kesan kepada peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan perlucutan hak dalam seksyen-seksyen baru 108B, 108C dan 108D.

Fasal 10 pula bertujuan meminda Jadual Keenam dengan menyenaraikan orang-orang atau badan-badan yang boleh memegang gadaian Tanah Adat Melaka, manakala fasal 11 meminda Jadual Ketujuh dengan menyenaraikan orang-orang atau badan-badan yang boleh menerima pindah milik tanah adat atau diberi milik tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk

meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.05 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian sedikit di dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat sewaktu kita membentangkan Akta Tanah (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) pada tahun 1984 telah dipinda dan sekarang ini kita membawa satu pindaan semula ke Dewan ini untuk membolehkan supaya Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) itu dapat diperbaiki dan dapat memberikan kepada rakyat yang terlibat khususnya di negeri Melaka mengenai dengan tanah adat untuk mengambil sama di dalam pertumbuhan ekonomi tanah-tanah adat yang tersebut. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana menyedari keadaan ini kerana timbulnya beberapa masalah yang dihadapi, terutama sekali mengenai dengan takrif Melayu Melaka ataupun Melayu anak kepada Melayu Melaka. Sungguhpun saya bukan orang Melaka, Tuan Yang di-Pertua, tetapi memandangkan bahawa sebahagian daripada tanah adat yang terlibat dengan Akta ini perlu dibangunkan dan perlu mengambil bahagian bersama-sama di dalam perkembangan keadaan ekonomi tanah-tanah kepunyaan hakmilik orang Melayu supaya dapat diperhebatkan lagi, maka Akta ini membolehkan supaya orang Melayu yang bukan orang Melayu Melaka ataupun orang Melayu yang bukan anak Melayu Melaka dapat

mengambil bahagian bersama-sama di dalam usaha membangunkan tanah di Melaka, terutama tanah yang dikatakan Tanah Adat Melaka tadi. Namun demikian di dalam Akta ini juga masih mengikat supaya tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu di Melaka tidak akan terlepas terus daripada tangan orang-orang Melayu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana terus mengikat atau terus memperkuat undang-undang ini supaya tanah hakmilik orang Melayu tidak akan pupus daripada satu masa ke satu masa, dengan adanya pertumbuhan industri ataupun tapak-tapak perumahan kawasan-kawasan perumahan. Saya amat tertarik dengan gambaran yang dibawa oleh pihak Yang Berhormat Menteri di dalam membentangkan Akta ini supaya tanah-tanah hakmilik Melayu, tanah-tanah adat Melayu Melaka yang boleh dilibatkan di dalam industri perumahan atau industri-industri yang lain boleh dipasarkan kepada orang-orang Melayu dan boleh diusahakan kepada orang-orang Melayu yang lain daripada orang-orang Melayu Melaka. Dengan adanya usaha Kerajaan membolehkan supaya satu Syarikat Tanah Adat Melaka ditubuhkan atau telah pun disediakan untuk memajukan tanah-tanah yang tersebut untuk memajukan tanah-tanah yang termasuk di dalam tanah-tanah adat. Jadi, saya berharap supaya Syarikat Tanah Adat Melaka ini akan dapat memainkan fungsinya di dalam jenis pembangunan tanah di masa yang akan datang.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta ini tadi disebutkan dalam Jadual yang kesembilan, pihak Pentadbiran Tanah akan menggunakan beberapa borang sama ada borang ini borang-borang yang biasa telah digunakan iaitu mengikut Akta 1963. Saya meminta

supaya Kerajaan dapat mengubah borang ini kepada Bahasa Malaysia. Di dalam Akta ini masih ditulis dalam bahasa Inggeris. Kemungkinan juga borang ini yang ada di pihak Pejabat Tanah masih menggunakan dalam bahasa Inggeris. Jadi, saya berharap supaya pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian mengenai dengan borang yang akan digunakan iaitu borang-borang "M", "N" dan "O" ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan pihak Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.22 ptg.

Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom yang telah memberi pandangan beliau berhubung dengan pindaan mengenai Tanah Adat Melaka yang baru saya bentangkan baru sekejap tadi.

Memanglah bahawa tujuan pindaan yang dibuat ini bukan sahaja untuk memastikan bahawa tanah yang berkenaan tidak terlepas daripada rakyat Melaka yang bukan keturunan Melayu tetapi yang lebih penting daripada itu untuk memastikan bahawa Tanah-tanah Adat Melaka itu dapat dibangunkan dengan sempurna. Sebelum ini, tanah tersebut hanya dapat dibangunkan oleh anak Melayu Melaka sahaja. Tetapi dengan pindaan ini juga memberi peluang kepada anak-anak Melayu bukan sahaja keturunan daripada anak-anak Melaka, tetapi juga anak Melayu yang lain juga dalam bidang-bidang industri

Oleh itu berikutan dengan keputusan Kerajaan mengenai peralihan kuasa dan tanggungjawab ke atas perkara Bantuan Guaman daripada Yang Berhormat Peguam Negara kepada Yang Berhormat Menteri Kehakiman, maka Seksyen 2 Akta Bantuan Guaman 1971 adalah perlu dipinda dengan memotong takrif bagi "Peguam Negara" dan dengan menggantikan perkataan-perkataan Peguam Negara di mana jua ianya terdapat dengan perkataan "Menteri".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Malis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan besidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan penting telah dibuat kepada Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 pada tahun 1984 dan Akta A597 berhubung dengan pemilikan tanah adat Melaka. Dalam melaksanakan pindaan-pindaan tersebut, Kerajaan Negeri Melaka telah menemui beberapa masalah yang difikirkan boleh menyekat pertumbuhan dan pembangunan tanah adat Melaka dan ekonomi orang-orang Melayu Melaka khususnya.

Takrif istilah "Melayu" telah dipinda dalam Akta A597 kepada orang Melayu yang dilahirkan di Melaka atau adalah anak kepada orang Melayu yang dilahirkan di Melaka. Takrif tersebut didapati sangat ketat dan terhad dan akibatnya banyak projek-projek perumahan, perniagaan dan perindustrian yang dilaksanakan atas nama adat Melaka telah tidak dapat dijual oleh kerana terhadnya pembeli yang layak mengikut takrif Melayu Melaka. Ini adalah menjejaskan usaha-usaha membangunkan tanah adat Melaka.

dan juga dalam bidang-bidang perniagaan. Tetapi bagi urusan pertanian maka Tanah Adat yang berkenaan tetap kekal mempunyai hak bagi rakyat Melayu Melaka sahaja.

Berhubung dengan borang dalam bahasa Inggeris, sebenarnya borang baru yang diperkenalkan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan iaitu borang "M", "N" dan "O". Sebenarnya Borang "M" itu adalah merupakan notis supaya memulihkan sebagai Syarikat Tanah Adat Melaka dan Borang "N", notis supaya menunjukkan sebab dan Borang "O", notis persembahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Dan borang-borang ini akan diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia untuk penggunaan orang ramai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.26 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1985 dibaca kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 seperti berikut:

- (a) membuat peruntukan supaya seseorang yang telah berkahwin mengikut sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman yang mana Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ini terpakai kepadanya sekiranya didapati berkahwin semula sama ada perkahwinan itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia, maka ia akan disifatkan telah melakukan kesalahan bigami dan boleh didakwa di bawah Seksyen 494 Kanun Keseksaan;
- (b) membuat peruntukan supaya seseorang yang telah melakukan kesalahan yang disebut di dalam Perenggan (a) telah didakwa di Malaysia, ia tidak boleh lagi diekstradisikan ke negara lain di bawah Akta Ekstradisi 1958 dan Ordinan Fugitif Komanwel 1967 bagi kesalahan itu; dan
- (c) membuat peruntukan supaya perkahwinan yang diupacarkan

di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan di Pejabat Konsul Malaysia di luar negeri adalah dianggap sebagai telah diupacarkan di Malaysia dan sekiranya apa-apa kesalahan dilakukan berkaitan dengan upacara tersebut, maka peruntukan yang dicadangkan dalam Perenggan (a) yang tersebut dahulu akan terpakai.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Pada masa ini seseorang yang bukan beragama Islam yang mana Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 terpakai baginya dan telah berkahwin dengan sahnya di bawah mana-mana undang-undang, agama, adat atau kelaziman pada atau selepas tarikh berkuatkuasanya Akta tersebut iaitu pada 1hb Mac, 1982, adalah tidak berkebolehan untuk berkahwin lagi di bawah mana-mana undang-undang, agama, adat atau kelaziman semasa wujudnya perkahwinan yang terawal itu. Sekiranya ia berkahwin semula maka perkahwinan itu adalah dianggap tidak sah dan ia juga disifatkan telah melakukan satu kesalahan bigami dan boleh didakwa di bawah Seksyen 494 Kanun Keseksaan. Tafsiran yang sama juga diberikan sekiranya perkahwinan yang terkemudian itu diupacarkan di luar Malaysia di mana perkahwinan itu dianggap tak sah dan kesalahan bigami telah dilakukan tetapi mengikut peruntukan-peruntukan yang sedia ada, mahkamah di Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan bigami berkenaan.

Kedudukan ini adalah didapati tidak seimbang dan tidak memberi layanan

yang sama di antara perkahwinan yang terkemudian itu dilakukan di Malaysia dan di luar Malaysia dan dengan memusnahkan tujuan asal Akta tersebut. Oleh kerana itu, adalah difikirkan bahawa kedudukan ini perlu diperbaiki supaya sesiapa yang telah berkahwin didapati berkahwin semula, tidak kira sama ada upacara perkahwinan terkemudian itu dilakukan di Malaysia atau di luar Malaysia, maka ia boleh disifatkan telah melakukan kesalahan bigami dan boleh dibicarakan oleh mana-mana mahkamah di Malaysia ini.

Untuk tujuan ini dan untuk mengetatkan lagi undang-undang supaya tidak berlaku perkahwinan semula semasa perkahwinan yang dahulu masih berjalan, maka adalah dicadangkan supaya Seksyen 5 dan 7 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang melalui Fasal 3 seterusnya membuat peruntukan supaya seseorang yang telah didakwa di dalam mana-mana mahkamah Malaysia di atas kesalahan bigami kerana melakukan perkahwinan semula maka pendakwaannya itu akan menjadi satu halangan bagi ia diekstradisikan ke negara lain di bawah Ordinan Extradisi 1958 atau Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 di atas kesalahan yang sama. Peruntukan ini adalah perlu untuk menentukan yang seseorang itu tidak boleh didakwa dua kali bagi satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 telah memperuntukkan bagi membolehkan seseorang warganegara Malaysia melangsungkan perkahwinannya di bawah Akta ini di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan Pejabat Konsul Malaysia di

luar negeri, tetapi adalah didapati peruntukan-peruntukan tidak ada bagi tindakan yang sewajarnya diambil ke atas sesiapa yang telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta berkenaan di dalam upacara perkahwinan tersebut.

Dengan pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 26 (3) perkahwinan yang diupacarakan di mana-mana Kedutaan, Suruhanjaya Tinggi dan Pejabat Konsul Malaysia akan disifatkan sebagai satu perkahwinan yang diupacarakan di Malaysia dan sekiranya didapati apa-apa kesalahan dilakukan di dalam upacara tersebut maka peruntukan Seksyen 7 (2) akan terpakai bagi kesalahan itu. Ini bermakna bahawa orang yang melakukan kesalahan itu boleh didakwa di Malaysia dan pendakwaannya itu akan menghalang ia daripada diekstradisikan ke negara lain di bawah Ordinan Extradisi 1958 atau Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45) dibaca kali yang kedua sekarang.

Tujuan meminda Kanun Keseksaan adalah untuk membuat peruntukan bahawa seseorang yang telah berkahwin kemudiannya berkahwin semula semasa hayat suami atau isteri itu, perkahwinan yang terkemudian itu adalah tak sah dan ia telah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman penjara bagi tempoh sehingga 7 tahun dan boleh didenda dengan tidak mengambilkira sama ada perkahwinan terkemudian itu diupacarakan di Malaysia atau di luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan, sukacita saya

itu, Suruhanjaya Pilihanraya yang telah ditugaskan untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya itu telah menunjukkan sikap adil dan saksama, sesuai dengan kehendak Perlembagaan yang mewujudkannya sebagai sebuah badan bebas dan berkecuali.

Semua pihak selama ini telah berpuas hati dengan cara-cara Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan urusannya. Pilihanraya-pilihanraya yang dijalankan dengan adil dan saksama dan dalam keadaan aman dan tenteram selama ini, bukan sahaja mendapat sanjungan daripada semua pihak dan semua golongan di Malaysia bahkan mendapat sanjungan dari semua pihak di luar daripada Malaysia.

Kerajaan yakin Suruhanjaya itu akan terus mampu untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya secara adil dan saksama, tanpa memberi pertimbangan atau layanan berat sebelah untuk mana-mana pihak.

Di dalam menjalankan pilihanraya Suruhanjaya Pilihanraya adalah dikawal aktiviti-aktivitinya khusus oleh Akta yang bernama Akta Pilihanraya 1958. Akta ini digubal dalam tahun 1958 sebagai Ordinan No. 33/1958. Akta ini telah dikaji semula dalam tahun 1970 dan dikeluarkan sebagai Akta 19. Sejak ianya digubal dalam tahun 1958, Akta ini tidak pernah mengalami apa-apa perubahan yang radikal. Walaupun selama ini pilihanraya telah dapat dijalankan dalam keadaan yang kemas dan teratur, namun setelah mengkaji semula secara mendalam pihak Suruhanjaya Pilihanraya mendapati beberapa peruntukan yang ada sekarang ini perlu dipinda dan peruntukan-peruntukan baru perlu dimuatkan untuk memperlengkapkan lagi bidang kuasanya di dalam melaksanakan tanggungjawab untuk menjalankan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun pindaan-pindaan yang dicadangkan itu melibatkan 20 perkara penting, yang sedikit sebanyak mengalami perubahan isi atau "substance": Perubahan-perubahan lain hanya melibatkan penyusunan semula perenggan-perenggan dan sebagainya yang tidak secara langsung atau secara tidak langsung mengubah maksud seksyen-seksyen yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perubahan-perubahan yang besar, yang dicadangkan termasuklah kuasa-kuasa Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengawal berbagai jenis pegawai pilihanraya yang dilantik olehnya. Ada juga peruntukan yang menyentuh tentang writ pilihanraya, bagi menentukan bahawa writ pilihanraya dikembalikan setelah pilihanraya diadakan atau sekiranya atas sebab-sebab tertentu pilihanraya tidak dapat diadakan.

Pindaan-pindaan juga dibuat untuk memberi kuasa kepada Suruhanyjaya Pilihanraya menggunakan sebarang bangunan Kerajaan dalam musim pilihanraya sekiranya keadaan memerlukan. Perubahan yang paling penting ialah mengenai kuasa Suruhanjaya Pilihanraya untuk menentukan deposit pilihanraya. Maksima deposit yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah sehingga ke paras \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk faedah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sukalah memberikan penjelasan-penjelasan mengenai beberapa seksyen penting yang saya kira perlu diterangkan di sini.

Seksyen 2 dan seksyen 3 telah dipinda untuk menerangkan tentang takrif "Setiausaha" dan juga perlantikan pegawai-pegawai Urusetia Suruhanjaya Pilihanraya termasuk

Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Penolong Setiausaha dan juga Pegawai-pegawai Pilihanraya Negeri, Pegawai-pegawai Pengurus serta Penolong-penolong Pegawai Pengurus. Pindaan ini adalah penting bagi menjamin bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai kuasa yang nyata, untuk mengawal aktiviti-aktiviti pegawai-pegawai dan kakitangan Urusetia yang menjalankan urusan-urusan pilihanraya.

Seksyen-seksyen 4 (1), 4 (2), 4 (3), 5 (1) (A), 8 (2), 8 (3) dan 8 (4) berhubung dengan penggunaan perkataan "general direction" atau "control" telah dipinda dengan cara mengeluarkan perkataan "general" untuk mewujudkan keadaan bilamana Suruhanjaya mempunyai kuasa yang lebih, khusus terhadap kakitangan pilihanraya atau pegawai-pegawai pilihanraya yang dilantik untuk menjalankan pilihanraya. Perkara ini penting untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai pilihanraya menjalankan urusan mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dan segala urusan yang mereka buat mencerminkan unsur-unsur keseragaman.

Seksyen kecil (2A), seksyen 4 adalah suatu seksyen kecil yang baru, yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya secara langsung untuk mengawal Pegawai-pegawai Pengurus Pilihanraya setelah mereka dilantik sebagai Pegawai Pengurus untuk menjalankan suatu pilihanraya di peringkat bahagian-bahagian pilihanraya. Perkara ini penting untuk menjamin supaya segala keputusan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Pengurus adalah seragam bagi semua kawasan.

Seksyen 8 (1) dan seksyen 8 (3A) adalah berkaitan dengan perlantikan Timbalan Pegawai Pendaftaran dan juga kawalan yang boleh dilakukan

terhadap Pegawai-pegawai Pendaftaran di dalam urusan mereka mengenai pendaftaran pemilih.

Seksyen-kecil (2), Seksyen 12 dipinda untuk membolehkan Pegawai Pengurus mengembalikan writ pilihanraya kepada Suruhanjaya Pilihanraya selepas pilihanraya diadakan dengan cara yang ditetapkan atau sekiranya atas sebab-sebab tertentu pilihanraya tidak dapat diadakan.

Seksyen-kecil (3), Seksyen 12 dipinda untuk menyelaraskannya dengan Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan yang telah menetapkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah pihak yang mengesahkan berlakunya sesuatu kekosongan yang akan dipenuhi di dalam sesuatu pilihanraya.

Seksyen 14 (1) dan Seksyen 14 (2) dipinda untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan sebarang bangunan, termasuk bangunan Kerajaan atau sebahagian daripadanya dalam musim pilihanraya dan juga memberi kuasa kepada Suruhanjaya memperbaiki bangunan-bangunan yang rosak di dalam masa menjalankan urusan pilihanraya.

Seksyen 15 (2) (f) telah dipinda. Pindaan yang dibuat ialah mengenai bayaran pampasan dinaikkan daripada \$50 kepada \$200, bagi kes bantahan terhadap kemasukan nama dalam Daftar Pemilih. Tujuannya ialah bagi mengelakkan bantahan terhadap kemasukan nama dalam Daftar Pemilih yang dibuat tanpa asas atau untuk melakukan penipuan.

Seksyen-kecil (2) (d), Seksyen 16 dipinda. Pindaan ini melibatkan jumlah maksimum deposit yang boleh diperscríbenkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dinaikkan kepada jumlah maksimum \$5,000. Jumlah sebenarnya yang ditentukan terkandung dalam

Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) Pindaan 1986 iaitu daripada \$1,000 kepada \$3,000 untuk Dewan Undangan Negeri dan daripada \$2,000 kepada \$5,000 untuk Parlimen.

Seksyen-kecil (3), Seksyen 16 adalah sesuatu seksyen-kecil yang baru. Seksyen-kecil ini bertujuan untuk membolehkan diberi kuasa kepada Pegawai Pilihanraya Negeri dan juga Pegawai Pengurus Pilihanraya untuk mengambil dan menerima Akuan Berkanun. Akuan Berkanun yang diambil dan diterima oleh mana-mana pegawai itu boleh dianggap sebagai akuan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Tujuan pindaan ini adalah untuk menyenangkan calon-calon untuk membuat Akuan Berkanun di dalam Borang 5 atau 5A yang dikehendaki dikemukakan bersama-sama dengan kertas pencalonan. Dengan adanya pindaan ini, maka ini bermakna bahawa Akuan Berkanun boleh dibuat di hadapan Pegawai Pengurus atau Pegawai Pilihanraya Negeri di dalam negeri di mana kawasan pilihanraya yang hendak dipertandingkan itu berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, persilakan. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

4.54 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya satu Akta meminda Akta Pilihanraya 1958 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan ini. Di dalam penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Akta Pilihanraya 1985 tidak pernah mengalami perubahan-perubahan yang besar sejak kita mengadakan pilihanraya dalam negara

poster lori LLN pun datang. Katanya, "ini salah, awak kena denda, awak kena tangkap", lepas dia cakap, dia cabut. Jadi budak-budak pun kata, "ini apa yang terjadi". Sepatutnya, perkara yang semacam ini, kerana di dalam masa kemuncak pilihanraya ini tidak siapa boleh tahan semangat. Pada masa itu kalau agak-agak tergugat sedikit menumbuk pun berani, tidak usah kata menumbuk, menembak pun berlaku dalam pilihanraya. Sudah berlaku dalam pilihanraya kita, tembak menembak. Ini semangat dalam pilihanraya. Jadi saya berharap, saya mintalah kepada agensi-agensi lain yang terlibat terutama LLN supaya lebih rapat

Nasional minta maaf kepada Suruhanjaya Pilihanraya kalau berlaku perkara yang semacam itu.

Kemudian apa yang saya katakan tadi berlaku dalam masa pilihanraya ini, pertengkaran-pertengkaran kecil yang boleh memarakkan panas iaitu kerana rentangan-rentangan poster di antara parti-parti politik. Peraturan dalam pilihanraya ada, satu-satu pondok menanti itu hanya dibolehkan dengan poster yang berukuran, kalau ukuran dahulu dikatakan 4"—sekarang berapa sentimeter saya pun tidak ingat ukuran itu, 4" sekeping sahaja di pondok itu untuk dikenal

sebagaimana saya katakan tadi, apabila puncak pilihanraya telah sampai, etika entah ke mana, peraturan entah ke mana. Jadi adakah pihak Suruhanjaya akan membiarkan perkara yang semacam ini, asalkan masih boleh dikawal, pistol tidak meletup, senapang tidak meletup, tidak apalah.

Jadi kalau macam itu maknanya tidak menjadi kesalahan yang berat kerana kalau kesalahan yang berat di dalam kesalahan pilihanraya, ini boleh melibatkan pilihanraya itu nanti di bawa ke mahkamah, keputusan pilihanraya itu kesahihannya dicabar. Apabila dicabar kesahihan kemenangan seseorang calon nanti boleh jadi ada pilihanraya kecil, akan menimbulkan berbagai-bagai perkara. Sekarang ini orang sudah pandai main peguam, perkara yang kecil pun orang bawa pergi ke mahkamah, apa lagi ada nanti Bantuan Guaman, barangkali kesalahan yang kecil ini boleh minta Bantuan Guaman. Kesalahan-kesalahan yang seperti ini, misalnya satu pilihanraya di Terengganu, Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya, orang Barisan gunakan poster 4" letak dekat cermin kereta, satu poster Barisan tetapi orang parti PAS gunakan poster lebih besar daripada kertas ini, tidak ada teguran, tidak ada apa-apa. Jadi orang-orang Barisan pun naik angin juga. Orang-orang PAS pun merasa bangga. Jadi di situ tegang, ini dalam pilihanraya kecil Binjai kalau tidak salah saya. Ini pengalaman saya sendiri, saya tengok begitu. Jadi sepatutnya keadaan yang semacam ini boleh kita perbaiki, cara macam mana.

Bendera parti diarak dalam masa kempen pilihanraya, bukan bendera yang kecil. Kalau Barisan punya bendera 3" x 5", hanya boleh diletakkan di tingkap kereta, tetapi parti Pembangkang DAP gunakan bendera yang dua depa, tiga depa panjangnya berkibar sepanjang jalan

macam ekor naga, ditambah pula dengan gendang-gendang lagi. Ini saya serahkan kepada pihak Kerajaan, pihak Kerajaan apabila masa peralihan semacam itu Suruhanjaya Pilihanraya. Apabila kita bertindak nanti, apabila kita mengadakan aduan, ini timbul macam-macam perkara mengenai dengan undang-undang dan akta-akta kesalahan pilihanraya.

Seperti misalnya membuat poster dengan bentuk meriam yang besar, menembak gambar calon lawannya, ini juga menyinggung perasaan. Saya sebagai calon, gambar saya dekat pokok kelapa ditampal di situ, kemudian musuh saya membuat satu meriam yang panjangnya 5 depa, dibalut dengan poster itu dan dihalakan ke muka saya dan pelurunya daripada tahi lembu. Jadi keadaan yang semacam itu menimbulkan rasa marah. Barangkali saya yang jadi calon saya tidak marah, tetapi penyokong-penyokong saya marah. Bagaimana kita hendak mengawal keadaan semacam ini?

Jadi kalau Suruhanjaya Pilihanraya membolehkan seseorang calon berbelanja, katalah \$30,000, boleh atau tidak poster ini juga dihadkan, katalah kawasan saya bertanding pengundinya ada 40,000; jadi kalau satu orang kita mahu hantar satu poster, calon ini hanya boleh keluarkan 40,000 poster, kalau lebih salah. Sebab kalau lebih nanti dibalutkan dekat meriam, dibalutkan dekat steamroll, dibalutkan dekat lori, dibalutkan dengan roket, tembakkan. Cantik memang cantik, Tuan Yang di-Pertua, sebab kalau kita pergi ke pilihanraya di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu memang shock tengok poster ini. Pesta rakyat, sebelum pilihanraya itu pesta rakyat satu minggu tengok poster bukan main, cantik. Setengah-setengah tempat pula dibuatnya poster itu macam Baitullah, empat persegi

bertingkat-tingkat di bawahnya, di jalan pekeliling, di roundabout diletakkan poster macam Baitullah empat persegi. Ini berlaku. Penulisan di atas jalan raya dengan perkataan "Islam" itu ditulis di atas jalan raya. Adakah tindakan boleh diambil atau tidak? Dengan cat yang tidak akan padam kena hujan 6 bulan, di mana-mana ini akan timbul. Ini menaikkan perasaan sungguhpun dalam hujah parti kita boleh capak siapa sekarang yang merendahkan Islam sampai di atas jalan raya dilanggar lori yang membawa babi, kena kencing babi.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini termasuk dalam kesalahan-kesalahan kecil dalam pilihanraya sehingga boleh menyebabkan seorang calon itu tertangguh keputusannya. Sebab nanti apabila makin anak-anak pandai mereka akan bawa perkara-perkara semacam ini ke mahkamah. Apabila sampai ke mahkamah maka perbicaraan itu berlarut-larut daripada sebulan ke sebulan. Kesahihan keputusan calon-calon itu nanti akan dipertikaikan. Inilah soal masalah-masalahnya.

Di dalam waktu kita membahas, membincangkan dalam Dewan ini mengenai dengan perubahan kawasan pilihanraya tempoh hari, saya ada menyeru, saya ada meminta kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya borang pernamaan calon di dalam pilihanraya itu dibuat dengan borang yang paling senang sehingga tidak payah hendak mengadakan bantahan, borang paling mudah. Ya, kita menggunakan borang Bahasa Kebangsaan nama, nombor kad pengenalan, alamat hendak bertanding, di kawasan mana, siapa penyokong, siapa pencadang, empat orang saksi, haribulan, tandatangan, selesai. Deposit \$5,000 atau naikkan lagi menjadi \$10,000 biar susah sedikit; lagi bagus kalau \$10,000 itu lagi susah orang hendak bertanding mengikut sesuka hati, ini \$5,000 pun

padan juga buat masa ini, mungkin satu masa akan datang Kerajaan atau Suruhanjaya akan mengkaji. Sebab, dalam sejarah tanahair kita ini pernah satu kawasan pilihanraya sehingga kalau tidak salah saya ada 9 atau 11 orang calon yang bertanding, begitu berlumba-lumba orang hendak jadi calon. Kita tengok nanti dalam pilihanraya umum akan datang ini sama ada tahun ini atau tahun hadapan di mana satu kawasan yang paling banyak calon hendak bertanding sungguhpun deposit untuk menjadi calon ini telah dinaikkan. Itu harapan saya di dalam borang pernama calon ini dibuat dengan borang yang paling mudah dengan tulisan yang kasar, tulisan macam nama Ahli-ahli Dewan ini, jadi senang tengok daripada jauh sahaja, Shaharom bin Haji Maasom bertanding kawasan Kuala Langat, pencadang Ghani Othman, penyokong Haji Latif Ibrahim, 4 orang saksi, tiada hendak bantah apa-apa. Sekarang ini boleh dibuat bantahan kerana masih teringat dimasukkan nama yang ada di dalam Buku Daftar Pengundi.

Saya pernah bertanding; ini cerita diri saya, Tuan Yang di-Pertua. Seorang pencadang atau menjadi saksi kepada dua orang calon dalam dua kertas yang berlainan. Saya bertanding tiga penjurou, kemudian seorang itu namanya ada di kedua-dua borang calon yang menjadi lawan saya. Apabila saya buat bantahan, bantahan itu tidak diterima. Nama yang sama, nombor kad pengenalan yang sama, memang orangnya yang sama dan mengaku orang itu sama. Dia kata aku pun penyokong bebas, aku menyokong PAS. Sain sama tetapi bantahan itu tidak diterima, ini berlaku kepada diri saya yang bertanding. Jadi, di luar dewan di tempat pencalonan sudah heboh, ho! Haji Shaharom ada can menang tidak bertanding, sebab calon yang dua ini nanti kertas percalonannya akan

ditolak, jadi di bawah pokok sudah bermasam-masam muka. Ini kesan-kesan kecil saya kata tetapi akibatnya membawa kepada perkara yang buruk. Jadi, apabila bantahan yang saya buat tidak diterima diumumkan terus bertanding tiga penjurong di luar bersorak. Di luar bersorak penyokong bebas dan penyokong PAS tengok bantahan calon Barisan pun Suruhanjaya atau Kerajaan tidak mahu terima, ini berlaku, perkara yang sebenar yang saya ceritakan.

Jadi, sepatutnya kalau memang perkara itu tidak salah dari Suruhanjaya Pilihanraya, okay tidak salah tidak apa, jadi semua orang nanti buat apabila satu orang dapat bayaran \$100 dia pun tandatangan lima, enam sebagai penyokong, sebab hendak mencari penyokong, hendak mencari pernama di dalam borang pilihanraya pun bukan senang terutama bagi orang-orang Melayu, dia hendak jaga juga namanya kalau ada dalam borang nama-nama calon Pembangkang dalam pilihanraya. Apabila hendak temuduga berkenaan rumah, tanah, hendak temuduga itu dan ini hendak tengok nama itu dalam borang pencalonan, dalam borang penyokong calon siapa, itu satu perkara yang besar kepada masyarakat Melayu terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian sekarang ini saya tengok ceramah-ceramah pilihanraya sudah berjalan. Di Selangor kalau hendak buat ceramah di dalam rumah alat pembesar suara tidak boleh keluar didengar oleh orang luar, tidak boleh, dalam rumah sahaja. Kerana kalau hendak buat ceramah di dewan yang menggunakan alat pembesar suara boleh didengar orang di luar dewan kena minta kebenaran daripada pihak berkuasa polis. Tetapi di setengah-setengah negeri orang sudah buat rapat umum di tengah-tengah padang, di bawah pokok getah, dalam kebun

bahkan beribu-ribu manusia berkumpul; betullah dia tidak kata rapat umum, dia kata muktamar, dia kata tamrin, dia buah ikut istilah dialah tetapi kalau istilah pilihanraya itu rapat umumlah itu, jadi berlaku. Apabila parti Pembangkang, PAS membuat perjumpaan yang semacam itu boleh, maknanya tidak ada larangan menggunakan alat pembesar suara yang boleh terdengar sampai dua batu jauhnya. Jadi, apabila UMNO, orang Barisan hendak buat nanti, tok koperal pun minta maaf, tok sidang, ketua kampung, mikrofon ini dengar jauh sangat, minta tolong. Jadi Barisan menggunakan satu jenis alat pembesar suara, letak atas meja dimainkan "portable mike" menggunakan ubat lampu dua biji.

Kalau untuk dua belas atau lima belas orang boleh dengar. Di mana letaknya kewibawaan parti yang memerintah. Kalau parti yang memerintah tidak boleh buat sedangkan parti yang menghentam boleh cakap lantang sesuka hati, orang yang menyokong Kerajaan pun semangatnya naik juga, kalau macam ini mulalah, jadi sekarang ini sudah panas. Sehingga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengunjungi negeri-negeri dicabar kerana Barisan Nasional membawa Dato' Seri Dr Mahathir atas nama Perdana Menteri ke rapat umum katanya, ceramah politik, sudah dicabar. Dato' Seri Dr Mahathir bawa Proton Saga menyeberangi Jambatan Pulau Pinang—ini cerita lainlah luar pilihanraya—pun dicabar hendak didakwa dalam mahkamah. Ini menunjukkan orang telah pandai. Orang tahu perkara yang kecil yang dilakukan oleh Kerajaan, oleh penyokong Kerajaan akan sengaja dicari kesalahannya. Sehingga kalau dahulu berlaku tampal poster di atas poster salah—tampal poster di atas poster maknanya satu poster sudah ditepekkan di satu pokok atau satu papan kemudian kita tampal, ditutup

poster itu salah, tetapi sekarang ini keadaan semacam itu berlaku.

Jadi, kita yang mendukung Kerajaan tidak boleh buat, jangan buat, itu salah. Tetapi Pembangkang terus buat. Jadi budak-budak kita, budak-budak Barisan kata, fasal apa salah, dia boleh buat kenapa kita tidak boleh buat. Kalau macam itu kita tunggu sahaja dalam gelap. Apabila tunggu dalam gelap bantai dengan kayu beruti, bergaduh. Apabila bergaduh ada yang kena heret bawa ke Balai Polis. Apabila ke Balai Polis, panjang ceritanya pilihanraya kerana yang gaduh tadi antara penyokong Barisan dengan penyokong DAP misalannya, kerana tidak kenal nama maka disebut Melayu dengan Cina sudah bergaduh. Apabila disebut Melayu dengan Cina sudah bergaduh jadi sudah besar maknanya. Tetapi kalau yang bergaduh itu Ahmad dengan Ah Kong lain. Ahmad dengan Ah Kong sudah bertumbuk, tak apa, perkara itu kecil tetapi kalau Cina dengan Melayu sudah bergasak lain maknanya. Di dalam pilihanraya selalu berlaku perkara-perkara seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana di dalam perbahasan saya dalam sidang yang lalu sewaktu kita membincangkan kawasan-kawasan pilihanraya yang baru saya telah meminta kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengubah sedikit tempat-tempat di kawasan membuang undi terutama di kawasan yang pernah saya bertanding kerana orang yang hendak pergi mengundi jauh sampai dua batu, hendak pergi ke sekolah tetapi apabila saya buka Warta Kerajaan mengenai dengan kawasan pilihanraya yang baru sudah diubah kepada apa yang saya sebutkan dalam sidang yang kita lalu misalnya telah diubah di Kawasan Pilihanraya

Sepang, pilihanraya Dewan Undangan Negeri kawasan Batu Laut sudah diubah kepada beberapa tempat yang sesuai.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kecepatan Suruhanjaya Pilihanraya merasai perkara yang semacam ini dan semoga dalam kawasan-kawasan yang lain, terutama saya masih menyebutkan lagi dalam Kawasan Pilihanraya Parlimen Kuala Langat ada empat, lima nama lagi yang sudah tidak sesuai dipakai sekarang kerana kampung-kampung baru telah wujud, Pengerusi JKK telah ada di situ, jadi elok menggunakan nama kampung yang wujud. Misalnya satu kawasan pilihanraya tempat membuang undi Kampung Bandar, masih digunakan Bandar Utara-Bandar Barat, Bandar Utara-Bandar Selatan, Bandar Timur-Bandar Barat, Bandar Utara-Bandar Selatan. Jadi, apabila kakitangan parti hendak membuat kerja, susah hendak mengikut di mana, betullah orang tahu barat, timur, utara, selatan, tengok matahari mana barat, mana timur, tetapi di situ ada beberapa lagi kampung-kampung kecil Air Tawar, Sungai Langat, Kampung Kurau, Kandang Kerbau, Kampung Belakang Istana, Kampung Belakang Sekolah sedangkan kampung-kampung telah ada, elok menggunakan nama kampung. Kemudian, Kelanang Utara, Kelanang Selatan, Kelanang Timur, Kelanang Barat, juga mengelirukan lagi. Ini saya rasa tentulah tak sempat hendak dibuat dalam pilihanraya yang akan sampai.

Kalau pilihanraya umum ini akan dibuat pada tahun 1987, saya berharap sangat kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya dapat membetulkan perkara-perkara yang kecil ini untuk kemudahan orang ramai. Jadi, kalau kemudahan orang ramai ini dapat kita selesaikan, pilihanraya kita akan berjalan dengan lebih baik. Kalau Suruhanjaya

menetapkan pukul 6.00 petang waktu tutup mengundi, dengan adanya kelancaran orang ramai pergi mengundi, kita minta orang-orang perempuan mengundi sebelah pagi, pukul 4.00 petang orang sudah selesai keluar mengundi, 75%, 80%. Jadi yang tak datang mengundi itu kerana dia memang tak balik atau memang dia sudah pindah yang tak dapat dikesan entah di mana-mana atau dia pergi ke rancangan FELDA yang jauh, dia tak dapat hendak balik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara pilihanraya yang saya rasa memang sepatutnya saya memberikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya kita sekali lagi. Namun demikian, beberapa kelemahan yang saya sebutkan tadi dapat diperbaiki, tetapi di dalam beberapa perbahasan kita yang lalu mengenai dengan pilihanraya ini, jawapannya apabila kita tanya Suruhanjaya Pilihanraya, Suruhanjaya kata ini pihak Polis, apabila kita tanya pihak Polis (KDN), KDN kata ini Suruhanjaya, jadi kita tak usahlah buat begitu. Sungguhpun Suruhanjaya badan bebas, tetapi kita sama-sama ada di dalam Kerajaan, jadi dapat sama-sama mempunyai perasaan berganding bahu dalam melaksanakan perkara yang semacam ini dan insya Allah, orang ramai akan dapat mengikuti, orang ramai akan memberikan kerjasama, pengundi-pengundi akan memberi kerjasama yang sepenuhnya apabila sesuatu pilihanraya dijalankan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang selalu dibincang di antara pihak Suruhanjaya Pilihanraya dengan calon-calon ialah apa yang dinamakan "etika" perasaan saling mengerti. Perasaan saling mengerti di antara calon-calon ini memang dibincangkan di antara calon-calon atau wakil-wakil

calon dengan Pegawai Pilihanraya Kawasan, tetapi pengalaman saya juga, perundingan itu kadang-kadang berjalan di hari yang pertama, yang kedua, yang ketiga. Apabila menjelang puncak semangat pilihanraya sudah meluap-luap, etika pilihanraya yang dipersetujui itupun dilanggar. Sungguhpun itu hanya etika, yakni perjanjian mulut sesama calon supaya berlaku harmoni di dalam pilihanraya sesama sendiri, tetapi apabila telah diadakan satu pakatan yang begitu baik tidak dapat diikuti, seharusnya perundingan yang semacam itu dapat dikaji semula. Maknanya, perjumpaan di antara Pegawai Pilihanraya dengan calon-calon atau wakil calon tadi dapat dikaji semula apa yang sepatutnya dibincangkan supaya satu-satu kawasan pilihanraya itu berjalan dengan baik, berjalan dengan lancar.

Penggunaan bangunan-bangunan Kerajaan. Di dalam pindaan ini membolehkan Suruhanjaya menggunakan bangunan-bangunan Kerajaan untuk dijadikan tempat membuang undi. Selama inipun kita tahu bahawa Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan sekolah, menggunakan pilihanraya, menggunakan bilik bacaan dan berbagai-bagai lagi bangunan-bangunan Kerajaan untuk digunakan sebagai tempat membuang undi. Tetapi di setengah-setengah tempat ada bangunan yang lebih selesa, bangunan yang lebih baik, tetapi oleh kerana telah diwartakan dalam Warta Kerajaan bahawa tempat membuang undi yang kod ini, kod ini tempatnya di sini, dia tidak gunakan. Saya rasa ada baiknya menggunakan budibicara Pegawai Pilihanraya di kawasan itu dengan persetujuan calon-calon. Sungguhpun dalam Warta Kerajaan mengatakan tempat ini mengundinya di bangunan A, tetapi oleh kerana bangunan A itu tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang ini, maknanya Suruhanjaya

Pilihanraya membolehkan Pegawai Pilihanraya di situ berunding dengan calon-calon atau wakil-wakil calon untuk mengubah tempat membuang undi itu dari bangunan A yang diwartakan kepada bangunan B yang orang ramai lebih selesa untuk dijadikan tempat membuang undi.

Misalannya di Tanjong Sepat, kawasannya begitu sesak, tempat membuang undi menggunakan sekolah rendah jenis kebangsaan, 7 aliran ada di situ sedangkan tidak jauh dari situ ada bangunan Dewan Orang Ramai dan ada bangunan sekolah menengah sedangkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Tanjong Sepat tadi dibina zaman Henry Gurney, zaman Templer, sesak tempatnya dengan 7 aliran, 7 peti undi sedangkan di situ ada Dewan Orang Ramai dan tidak jauh dari situ ada sekolah menengah jenis kebangsaan. Jadi, sungguhpun Warta Kerajaan masih di sekolah rendah tadi, saya berharap supaya Suruhanjaya Pilihanraya membenarkan Pegawai Pilihanraya (RO) kawasan itu berunding dengan calon-calon untuk membahagikan sebahagian daripada peti undi di situ ke Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tanjong Sepat tadi supaya lebih selesa kerana 5,000 lebih pengundi di situ bertumpu dalam satu bangunan sekolah. Cuba kita fikirkan, hampir 5,000 pengundi di dalam 7 peti undi dalam satu bangunan sekolah, tentu sesak. Kenderaan di jalan sesak, pondok-pondok menanti sesak di tempat hendak mengundi pun sehingga bersusun sampai ke tengah padang berpanas, dua jam belum dapat masuk tempat mengundi.

Jadi, untuk keselesaan para pengundi, saya rasa ada baiknya jika di kawasan yang saya sebutkan tadi pihak Suruhanjaya Pilihanraya dapat meneliti dengan sebaik-baiknya untuk faedah orang ramai, untuk nama baik Suruhanjaya. Saya rasa kalau ini dapat diubah, Suruhanjaya Pilihanraya akan

mendapat sanjungan daripada pengundi-pengundi di situ, daripada selama ini mengundi dalam keadaan sesak, pilihanraya yang akan datang ini dalam keadaan yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua, risalah mengenai pilihanraya. Risalah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya mengenai dengan yang boleh dan tak boleh dibuat semasa pilihanraya ini patut diubahsuai. Risalah ini setiap kali pilihanraya memang ditaburkan seluruh negara dalam berbagai bahasa supaya para pengundi mengerti, tetapi risalah ini sepatutnya diubahsuai mengikut keadaan sekarang kerana gambar-gambar yang dilukis di dalam risalah itu ialah gambar yang dilukis oleh Kartunis kita masa darurat tahun 1948, bentuk muka orang Melayunya, bentuk muka orang Cinanya, bentuk muka orang Indianya sedangkan orang India sekarang pun sudah manis-manis, orang Cina sekarang pun sudah lawa-lawa, jadi perlu dibentuk dengan gambar, apa lagi orang Melayu sekarang pun sudah segar-segak. Jadi, gambar itu perlu dengan gambar yang lebih menarik supaya orang menengok, membaca pun minat. Kalau tengok gambar macam gambar kartun, apabila lepas diberi-beri dalam ceramah, risalah itu tinggal di tepi jalan macam pembungkus kacang goreng. Jadi nilai yang baik ialah apabila barang itu bernilai dan orang ramai tahu menilaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja yang dapat saya beri dalam beberapa perkara dalam perbahasan meminda Akta Pilihanraya Tahun 1958 untuk menyokong sepenuhnya Akta yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi di dalam beberapa perkara yang telah dihuraikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan dengan ini saya menyokong Akta ini untuk dipinda.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat hendak berucap, dipersilakan Yang Berhormat Tuan Nasir.

5.31 *ptg.*

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini juga bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membincangkan suatu Akta yang bernama Akta Pilihanraya 1958. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibentangkan dalam Akta yang baru sebentar tadi adalah bertujuan untuk melicinkan Pentadbiran Pilihanraya dari masa ke semasa dan menentukan aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk menjalankan pilihanraya khususnya di dalam negara kita ini.

Satu di antaranya telah menekankan pihak pilihanraya dapat menggunakan bangunan-bangunan Kerajaan bagi menjalankan aktiviti pilihanraya yang ditentukan pada sesuatu masa. Ini saya merasai bangunan-bangunan yang telah pun didirikan oleh Kerajaan memang digunakan oleh pihak pilihanraya menjalankan pilihanraya dari masa ke semasa dan untuk menguatkan lagi ataupun menekankan kepada calon-calon yang bertanding sebagaimana yang dibenarkan dalam Akta ini untuk menentukan deposit yang pada mulanya ditentukan tidak melebihi \$1,000 tetapi sekarang telah ditetapkan kepada \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menjelaskan di sini berhubung dengan pilihanraya-pilihanraya pada masa-masa yang lalu dan diambil perhatian pada masa akan datang, pertama sekali berhubung dengan ceramah-ceramah pilihanraya, kadang-kadang kita memerhatikan ceramah-ceramah yang telah dilakukan oleh parti-parti yang bertanding di antara satu kumpulan

dengan kumpulan yang lain, kadang-kadang boleh menjadi hampir pertelagahan ataupun pergaduhan di antara sesuatu parti itu. Saya perhatikan di antara yang boleh menyebabkan punca untuk berlakunya pergaduhan, kita tidak dapat menentukan berapa jauhnya di antara sesuatu parti itu memberikan ceramahnya di antara sesuatu parti yang lain.

Kalau misalan satu parti, misalan parti UMNO, mereka berkempen di dalam suatu tempat dengan memberi maklumat-maklumat kepada pengikut-pengikutnya dan di samping itu juga jarak lebih kurang 100 ela sebagainya, ada satu lagi ceramah yang bertentangan dengan parti yang mengadakan ceramah pada masa yang sama, dengan ini boleh menimbulkan di antara kumpulan-kumpulan yang bertanding itu dan boleh membawa kepada pergaduhan. Di sini saya suka menarik perhatian kepada pihak pilihanraya supaya dapat menentukan semua ceramah-ceramah yang hendak diadakan khususnya dalam satu masa, seelok-eloknya segala saranan atau suara yang disuarakan oleh sesuatu pihak tidak boleh didengar oleh pihak yang lain. Jadi kalau ini dapat dilakukan, kita boleh mengelakkan sesuatu perkara yang buruk akan berlaku di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya cuma menarik perhatian berhubung dengan pengiraan undi sesudah kita mengundi dalam hari-hari yang tertentu. Pada masa-masa yang lalu apabila sudah tamat tempohnya pengundi-pengundi mengundi maka tong-tong undi itu di bawa ke satu tempat dan dikira, kadang-kadang sampai larut malam dan sebagainya, boleh menyusahkan, ataupun dalam satu kumpulan yang tertentu ramai orang-orang yang menghadiri untuk mendapat tahu berhubung dengan manakah parti yang menang atau yang kalah.

Selain daripada itu kalau agak terlampau ramai di dalam sesuatu tempat itu boleh menyusahkan juga orang ramai dan dengan ini, saya mencadangkan dalam masalah pengiraan undi ini kita tidaklah boleh menentukan semua tong-tong undi itu dikira dalam satu tempat, misalnya kalau dalam satu pilihanraya Dewan Rakyat, ditempatkan dalam satu kawasan sahaja dalam sesebuah sekolah dan sebagainya. Apakah salahnya kalau tong-tong undi itu dikira dalam satu tempat yang khusus di mana tong-tong undi itu diletakkan, misalnya dalam satu kawasan pilihanraya Negeri ada satu tempat, 5 tempat membuang undi, maka di antara 5 tempat undi itu kita boleh pecahkan 5 tempat dan kalau kita pecahkan dalam masa 5 tempat, kita boleh dapat tahu berapa jumlahnya pengundi-pengundi yang kita terima dalam masa yang begitu singkat.

Dalam masalah kita hendak menentukan sama ada jarak jauh atau tidak, itu terpulang kepada pihak pilihanraya, mereka boleh membuat 2 atau 3 kawasan untuk menentukan kawasan ini untuk mengira undi, undi A dan B sahaja, kawasan lain C dan D dan sebagainya. Apabila undi-undi dikira dalam sesuatu tempat membuang undi maka jumlah undi yang telah dikira itu dicampurkan dengan kesemua sekali tempat membuang undi, maka kita dapat tahun berapakah jumlahnya di antara parti-parti yang bertanding itu sama ada menang atau kalah. Jadi dengan cara ini, saya rasa kita boleh juga tahu dengan cara macam ini di manakah kawasan-kawasan yang kita boleh menekankan, kawasan-kawasan yang tertentu apakah hasrat pengundi-pengundi untuk memilih kepada sesuatu parti yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat baru

sebenar tadi dalam masalah borang calon, kita pun ketahui kadang-kadang ada bantahan dari segi nama dan sebagainya. Saya rasa perkara yang boleh menjadikan bahan-bahan ini ada dua perkara. Satu, di antaranya berkemungkinan borang yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya agak sukar dan sebagainya untuk mengisi borang-borang yang ditentukan tetapi ada juga kalanya kita boleh menekankan orang yang bertanding itu sengaja membuat salah di dalam borang itu dan mereka tidak lagi bertanding kerana tujuan-tujuan yang tertentu.

Misalannya kadang-kadang nama dia tidak ada satu huruf, tetapi bagaimana orang lain boleh tahu nama dia misalnya Ahmad—A-H-M-A-D, ditulis—A-H-M-E-D. Ini dibuat bantahan mengatakan namanya tidak betul, maka ini ada sesuatu perkara yang agak sukar kita kesan mengapa yang boleh menjadikan demikian. Sebagaimana yang kita ketahui barangkali ada di antara orang-orang yang mahu bertanding atau tidak, kita kurang pasti, tetapi dia merasai apakah satu caranya mereka untuk mendapatkan kewangan dalam tempoh yang singkat, mereka masuk sahaja bertanding dalam pilihanraya untuk mengisi borang dan sebagainya, tetapi ada orang lain memikirkan kalau kita berjumpa dengan pihak yang berkenaan atau orang yang agak was-was hendak bertanding, dengan cara inilah mereka boleh mendapatkan wang dari mereka yang hendak bertanding. Mereka tarik diri dengan menyalahi daripada borang-borang yang dikeluarkan.

Misalnya kalau diberi kepada mereka “kalau awak tidak bertanding maka ada di antaranya boleh memberikan habuan yang begitu lumayan” maka satu cara ringkas mereka buat, mereka menulis di dalam borang itu sengaja disalahkan, apabila mereka sengaja disalahkan

maka diberilah maklumat ini benda yang awak boleh bantah dan sebagainya, maka dengan sendirinya ia tidak bertanding. Jadi benda-benda yang macam ini, saya rasa maka oleh sebab benda ini berlaku, kita tidak perlu lagi mengadakan bantahan, kalau ada masalah-masalah yang tidak tepat, yang tidak terang, yang tidak jelas, kita minta dia jelaskan dan dia tandatangani dengan membaiki borang-borang yang diisi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, maka saya suka juga menjelaskan masalah sebagaimana ceramah-ceramah yang kita ketahui, ceramah ini mesti dibuat dalam satu bangunan yang orang ramai boleh hadir, misalannya di balai-balairaya, di dewan-dewan orang ramai ataupun bilik bacaan, maka orang ramai boleh berkumpul dalam satu tempat. Tetapi ada di antaranya parti-parti yang sama ada mereka sengaja dan sebagainya mereka memberi syarahan di luar rumah. Maka di perkarangan rumah yang tertentu beribu-ribu orang hadir untuk mendengar ceramah ataupun penerangan dalam pilihanraya. Benda yang macam ini kita merasai, adakah peraturan yang dilaksanakan untuk memberi ceramah dalam sesuatu pilihanraya, dalam suatu tempat yang tertutup, benar-benar diikuti oleh mana-mana pihak. Jadi, daripada hasrat kebelakangan dahulu kita perhatikan, ada di antaranya parti-parti yang mengikut apa yang dikehendaki oleh pihak pilihanraya, tetapi ada di antaranya yang sengaja tidak mahu mengikut kehendak pihak pilihanraya. Benda ini tidak menjadi kesalahan kepada mereka.

Kita cuma mengharapkan kepada pihak pilihanraya, kita mesti boleh menentukan cara macam mana yang khusus, adakah benar-benar kita hendak mengatakan apabila mengadakan ceramah-ceramah, mesti dalam suatu tempat yang terkurung

atau terbuka sebagaimana yang telah berlaku pada masa-masa yang lalu. Kalau kita tidak dapat mewujudkan sebagaimana yang tertakluk di dalam peraturan, maka peraturan itu agak tidak dipatuhi oleh mana-mana pihak, ini boleh mengangsakan orang ramai mengapa di suatu pihak boleh berbuat demikian, di suatu pihak tidak boleh berbuat demikian.

Saya rasa dalam kaedah ini, kalau kita hendak menjelaskan supaya tidak berlaku maka semua ceramah-ceramah sama ada ceramah itu ceramah besar ataupun ceramah kecil, mesti mendapat persetujuan daripada pihak Polis, terangkan di mana mereka hendak berceramah. Sekiranya kalau tempat itu tidak betul-betul mengikuti kehendak Kerajaan atau kehendak pihak Pilihanraya, maka pihak Polis membatalkan sahaja di mana mereka hendak mengadakan ceramah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ini saya cuma hendak melahirkan ada kaitannya dengan pilihanraya yang kita agak merasa sangsi di manakah benda ini benar ataupun kekeliruan. Dalam masalah negeri Sabah, negeri Sabah telah mengadakan pilihanraya dan dimenangi oleh Parti PBS. Dalam masa mereka memerintah agak hampir satu tahun, maka Dewan Undangan Negeri dibubarkan dan telah menentukan pilihanraya akan diadakan pada 5hb dan 6hb Mei 1986 yang akan datang. Tetapi dalam tempoh yang sama, suatu parti menuntut kesahihan Ketua Menteri, kerana tidak sah dan telah pun dikeluarkan tuntutan, tetapi tidak berjaya. Di samping tuntutan yang tidak berjaya, pihak Parti yang berkenaan juga menuntut supaya perkara itu dibawa ke Mahkamah Agung. Apakah ini, di mana satu saluran yang sesuai? Suatu kumpulan yang telah membubarkan Dewan Undangan Negeri tetapi suatu

kumpulan lain membawa kes ini ke Mahkamah, mengatakan tidak kesahihan sama ada Ketua Menteri dan sebagainya. Benda yang macam ini kadang-kadang di mana kesilapannya yang boleh menuntukan. Adakah tidak kelicinan undang-undang pihak Pilihanraya ini, boleh menimbulkan dalam satu masa yang sama, dalam perkara yang sama telah berlaku pembubaran Dewan, tetapi ada pula yang menuntut di Mahkamah hingga ke Mahkamah Agung tentang kesahihan perlantikan Ketua Menteri yang berkenaan. Jadi, kalau benda yang macam ini dapat kita jelaskan dengan terang, maka tidak timbul masalah kesangsian ini sama ada pihak A yang betul ataupun pihak B yang betul dan tidak berlaku berkenaan dengan pembubaran dan tuntutan ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sampaikan di Dewan yang mulia ini. Dengan ini saya menyokong penuh suatu Akta bagi meminda Akta Pilihanraya 1958. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat.

4.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keizinan untuk saya ingin turut membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya 1958 yang dibentangkan di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pilihanraya dan Aktanya ini, saya kira yang paling penting pada peringkat awalnya ialah soal pendaftaran

pengundi. Telah banyak ditimbulkan sejak daripada beberapa tahun yang lalu di mana setiap kali kita dibawa suatu akta untuk meminda berbagai-bagai akta pilihanraya untuk memenuhi keadaan-keadaan semasa, maka soal pendaftaran pengundi ini, pada akhir-akhir ini nampaknya di dalam keadaan yang sangat lembab di mana Penolong-penolong Pendaftar Pengundi ini pada satu ketika boleh pergi menjelajah ke tiap-tiap rumah, ke tiap-tiap kampung dan tiap-tiap bukit-bukau negara kita ini. Tetapi pada satu ketika pula pengundi-pengundi sendiri dikehendaki untuk tampil datang ke tempat-tempat dan pusat-pusat pendaftaran yang ditentukan oleh pihak Suruhanjaya. Maka didapati setelah hampir 30 tahun kita merdeka ini maka warganegara kita generasi muda nampaknya semakin malas dan semakin sejuk keadaannya untuk mendaftarkan diri.

Jadi, saya mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta kita ini diadakan beberapa pindaan iaitu Suruhanjaya sebagai suatu jabatan ataupun diadakan satu pejabat tetap, bukan sahaja di peringkat Negeri, tetapi di peringkat Daerah, sehingga keadaannya seperti keadaan balai-balai Polis yang dijadikan sebagai tempat pendaftaran beranak dan mati, kerana kalau kita fikirkan, tiap-tiap hari ada manusia yang lahir dan ada manusia yang mati di negara kita ini. Begitu juga pada tiap-tiap hari, ada orang yang menyambut hari lahirnya 21 tahun. Maka dengan sebab itu, apa salahnya pihak-pihak Pendaftar Beranak dan Mati ini juga diberi kuasa-kuasa tertentu untuk mendaftarkan pengundi-pengundi baru ataupun memotong nama pengundi-pengundi yang telah meninggal dunia. Dengan cara ini, secara beransur-ansur ini, saya kira pendaftaran pemilih ini tidak jadi macam musim durian lagi, bermusim

iaitu 30 hari setahun ataupun 40 hari ataupun menjelang tahun-tahun pilihanraya, di situlah hangat parti Pembangkang ataupun parti Kerajaan sibuk dengan mengemukakan masalah-masalah kesalahan pilihanraya, hilang nama di dalam Daftar Pemilih, namanya salah ejaan, nama daftar empat kali.

Jadi, kalau kita melihat bahawa pilihanraya ini pun adalah satu yang memberi kuasa terpenting kepada Kerajaan dan pemerintah, maka eloklah dia menjadi satu jabatan yang tetap bergerak nadinya di tiap-tiap kumpulan unit kecil di kawasan-kawasan kita yang menyerupai kawasan-kawasan Balai Polis ataupun kawasan wakil pendaftaran kad pengenalan dan sebagainya. Ini boleh diaturkan, kalau kita boleh mengadakan jabatan-jabatan pos untuk mengutip dan mendaftar EPF dan sebagainya, mengapa Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya ini cuma berada di tiap-tiap negeri dan di peringkat kebangsaan sahaja? Ini bererti kita hanya mementingkan kerja-kerja pendaftaran pengundi dan sebagainya hanya bermusim laksana musim buah durian yang datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu perkara lagi dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah menaikkan deposit calon daripada \$1,000 kepada \$5,000, walau apa pun yang diperkatakan, walau apa pun yang dipandangkan oleh setengah-setengah pihak yang mungkin mengatakan Kerajaan tidak demokratik di mana kelak hanya orang-orang yang berada ataupun parti yang kuat kewangannya sahaja yang mampu mengadakan deposit calon ini dengan harga yang mahal. Tetapi dalam pada ini, kita harus berfikir bahawa dalam tiap-tiap pilihanraya, kadang-kadang ada calon-calon yang dibiayai oleh orang-orang tertentu, kalau dalam istilah judi, ini

dikatakan "Kacau Daun". Jadi, mereka itu tidak berasa sukar untuk mengadakan sampai 5-6 calon di dalam satu kawasan pilihanraya kerana wang deposit yang pada satu ketika dahulu kita anggap \$1,000 itu rendah dan hari ini pun makin rendah, maka dengan sebab itu, saya mendapati bahawa kenaikan kadar deposit daripada \$1,000 kepada \$5,000 ini adalah patut dan wajar bagi sebenar-benarnya kepada seorang calon ataupun parti yang benar-benar bertanggungjawab untuk memasuki pilihanraya dan bertanggungjawab pula jika menang pilihanraya itu akan meneruskan dan melaksanakan dasar-dasarnya.

Inilah barangkali hasrat dan cita-cita yang terdapat di dalam pindaan kadar deposit ini. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa lagi dan saya menyokong di atas pindaan yang dicadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah lagi Ahli Yang Berhormat hendak berucap, kalau tidak ada, sekarang saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian yang berat mengenai dengan cadangan meminda Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pilihanraya, 1958.

Kesemua pandangan-pandangan yang diberikan sebenarnya adalah merupakan alasan-alasan yang mengukuhkan lagi tujuan untuk mengubah undang-undang ini.

Mengenai dengan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom tadi, di antara cerita-cerita yang disebutkan, barangkali beliau terlupa menyebut

tentang cerita bagaimana poster-poster kadang-kadang dilekatkan kepada makhluk-makhluk yang bergerak, berjalan di bawah-bawah rumah di setengah-setengah kampung di negeri di Pantai Timur. Kalau sekiranya poster-poster yang dimaksudkan itu menjadi tanggungjawab anggota atau badan atau Suruhanjaya Pilihanraya, barangkali poster-poster yang dilekatkan pada badan-badan makhluk yang bergerak ini adalah agak sukar bagi pihak Suruhanjaya hendak mengejar makhluk ini.

Biasanya ini terjadi kerana ahli-ahli politik ataupun amalan setengah ahli politik yang tidak etikal kerana mereka menggunakan berbagai cara yang kadang-kadang tidak menunjukkan cara yang sihat dalam berpolitik sehingga mereka melekatkan logo mereka ataupun lambang parti mereka kepada binatang yang boleh ditafsirkan sebagai merendahkan taraf parti itu sendiri. Dan satu cerita yang pernah kita dengar bahawa ada seorang tuan kepada makhluk ini tengah malam terperanjat kerana mendengar satu suara dari bawah rumah di tengah malam dan mereka berfikir ada binatang liar masuk ke bawah rumah dan mereka telah bergegas turun ke bawah di tengah malam itu lalu menyuluh daripada arah mana suara itu datang dan rupa-rupanya mereka mendapati lembu mereka telah disaluti dengan lambang-lambang sebuah parti tertentu sehingga yang kelihatan hanyalah mata sahaja.

Jadi, kalau kita hendak membebaskan Suruhanjaya untuk menghapuskan lambang-lambang ini daripada dilekatkan kepada tempat-tempat sebegini tentulah sukar. Walau bagaimanapun, saya yakin poster-poster yang dilekatkan di tempat-tempat yang dikirakan boleh dibersihkan dengan mudah atau

dipadamkan dengan mudah seperti yang diconteng pada jalan-jalan raya dan sebagainya dengan adanya perubahan yang baru ini, jentera Suruhanjaya akan menjadi lebih kuat dan sudah tentu pegawai-pegawai yang kita sarankan untuk diwujudkan jawatannya akan lebih berupaya untuk memikirkan dan merancang bagaimana pelaksanaan yang boleh dibuat bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan poster-poster itu.

Perkara-perkara yang lain yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom seperti masalah kenaikan deposit yang mungkin akan mengelakkan daripada berlakunya perbuatan rasuah kerana kadar itu telah ditingkatkan, ini juga saya yakin mengukuhkan lagi rancangan kita untuk memperkemarkan jentera pilihanraya.

Secara umum saya memohon maaf sebanyak-banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana perkara-perkara yang disentuh itu semua adalah menjadi justifikasi kepada usaha untuk memperkenalkan pindaan Rang Undang-undang ini dan saya tidaklah dapat menyentuh satu persatu dan secara umum, ingin saya menyatakan bahawa segala perkara yang disebutkan itu akan diberikan perhatian yang berat oleh pihak Suruhanjaya yang kita yakin akan dapat memberikan prestasi yang jauh lebih baik daripada masa-masa yang lalu, walaupun pada masa lalu sudah baik, tetapi akan terus bertambah baik dengan adanya peruntukan yang baru. Walaupun kita memerlukan pada satu etika pilihanraya tetapi pada masa yang sama Kerajaan juga mengharapkan supaya ahli-ahli politik terutamanya parti-parti Pembangkang mempunyai etika yang baik dan mengamalkan etika politiknya kerana mereka tidak boleh sahaja bergantung kepada etika yang dibuat oleh Kerajaan.

Saya fikir itulah sahaja dan segala perkara yang dinyatakan akan diberikan perhatian yang berat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dikemukakan ini, yang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta yang saya maksudkan tadi adalah dinamakan sebagai Akta Kesalahan

Pilihanraya (Pindaan) 1986. Saya percaya Akta yang dikemukakan ini akan mendapat sokongan semua pihak kerana pindaan-pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 telah dibuat dengan tujuan untuk memperkemaskan kawalan terhadap perbuatan-perbuatan yang melanggar undang-undang dan perbuatan-perbuatan rasuah di dalam mana-mana pilihanraya di negara ini. Di samping itu pindaan-pindaan yang dikemukakan ini juga telah menyentuh berbagai hal berkaitan dengan perlantikan agen-agen pilihanraya, perbelanjaan pilihanraya dan hal-hal yang berkaitan dengan petisyen pilihanraya yang kesemuanya boleh memberi faedah yang besar untuk melicinkan perjalanan pilihanraya di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 telah dikeluarkan pada tahun 1954 sebagai Ordinan No. 9/54. Ianya disemak semula pada tahun 1968 dan diterbitkan sebagai Akta 5.

Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, Akta ini mengandungi berbagai perkara bersabit dengan hal-hal yang harus dan tidak harus dilakukan di dalam mana-mana pilihanraya baik pilihanraya umum atau pilihanraya kecil, sama ada pilihanraya Parlimen ataupun pilihanraya Negeri. Khususnya Akta ini adalah bertujuan untuk menyekat dan melarang perbuatan-perbuatan yang melanggar undang-undang dan perbuatan rasuah di dalam mana-mana pilihanraya. Pihak-pihak yang melaksanakan tanggungjawab untuk menjalankan pilihanraya, seperti Suruhanjaya Pilihanraya, telah mengkaji dengan mendalam peruntukan-peruntukan yang ada sekarang ini dan berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman pilihanraya yang lepas, mendapati beberapa peruntukan yang wujud kurang sesuai dan perlu diperbaiki.

Cadangan-cadangan yang dikemukakan ini mendapat sokongan pihak-pihak yang menguatkuasakan undang-undang bersabit dengan kesalahan pilihanraya bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab bagi mengawal kesalahan-kesalahan pilihanraya secara teratur dan berkesan. Undang-undang yang wujud sekarang sepertimana yang saya nyatakan tadi telah dibuat sejak tahun 1954, dan dengan demikian terdapat peruntukan-peruntukan yang kurang jelas dan nyata dan juga perkataan-perkataan yang membawa makna yang kurang jelas dan boleh mengelirukan dan dengan yang demikian perlu diubahsuai mengikut kehendak masa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melibatkan hanya 23 perkara penting yang mengalami perubahan isi atau "substance". Perubahan-perubahan lain mungkin melibatkan penyusunan semula perenggan-perenggan dan sebagainya yang tidak secara langsung atau secara tidak langsung mengubah maksud seksyen-seksyen yang berkenaan.

Untuk pengetahuan dan makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sukacita memberi penjelasan sedikit tentang seksyen-seksyen yang penting yang mengalami perubahan mengikut Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986.

Seksyen 2 Akta berkenaan telah dipinda untuk memberikan takrif "polling day" atau "hari mengundi". Selama ini definisi "hari mengundi" tidak wujud dan membawa kepada pendapat-pendapat yang berlainan dan menimbulkan kesukaran kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa khususnya untuk menjalankan penguatkuasaan bagi hal-hal berkaitan dengan had atau limit, tempoh atau masa berkempen atau memancing undi terutama sekali apabila

pengundian memakan masa melebihi satu hari seperti yang masih dilakukan di Sabah dan Sarawak. Dengan adanya takrif "polling day" ini, maka dapat diketahui dengan nyata had aktiviti kempen oleh semua pihak yang terlibat di dalam pilihanraya.

Seksyen-seksyen (5A) dan (6A) seksyen 12 pula diwujudkan untuk menentukan bahawa secara otomatik seseorang calon itu akan menjadi agen pilihanrayanya sendiri sekiranya berlaku penarikan perlantikan agennya atau agennya meninggal dunia. Di dalam keadaan yang demikian, alamatnya sepertimana yang diberikan dalam kertas penamaan calon adalah alamat yang dianggap sah mengikut kehendak undang-undang.

Selain daripada pindaan-pindaan di atas, seksyen-kecil (1) (a) dan 1 (b) seksyen 19 dipinda untuk menambah had perbelanjaan pilihanraya bagi seseorang calon iaitu daripada \$20,000 kepada \$50,000 bagi Dewan Rakyat dan \$15,000 kepada \$30,000 bagi Dewan Undangan Negeri. Ini adalah menepati kehendak umum bahawa had perbelanjaan yang ada sekarang bagi seorang calon terlampau kecil dan dengan adanya keadaan inflasi dan sebagainya, maka had itu perlu dipertingkatkan supaya calon-calon dapat menggunakan perbelanjaan yang lebih sedikit daripada sekarang di dalam pilihanraya.

Seksyen-kecil (1) seksyen 23, seksyen-kecil (1) seksyen 24, seksyen-kecil (2) seksyen 24, seksyen-kecil (4) seksyen 26, seksyen-kecil (3) (a) seksyen 26A, seksyen-kecil (2) seksyen 26B dan seksyen-kecil (1) seksyen 30 melibatkan perubahan perkataan "proper officer". Perkataan ini menimbulkan kekeliruan dan dengan demikian digantikan dengan pegawai-pegawai yang khusus seperti Pegawai Pilihanraya Negeri, Pegawai Polis, Pegawai Pengurus, Ketua Tempat

Mengundi dan sebagainya mengikut mana yang sepatutnya. Ini adalah untuk menyenangkan pihak-pihak yang memerlukan khidmat pegawai-pegawai yang berkenaan untuk dapat terus berurusan dengan mereka.

Seksyen-kecil (2) seksyen 26 dipinda untuk menegah perbuatan memberi, membekal, memakai, membawa atau menggunakan apa-apa bendera, merual, tetunggal-tetunggal, panji-panji, poster atau label sebagaiencana parti pada hari mengundi. Seksyen-kecil ini menggantikan seksyen-kecil yang ada dengan peruntukan yang berbeza seperti yang saya nyatakan tadi. Dengan adanya peruntukan ini bermakna bahawa pada hari mengundi tidak ada sebarang pihak yang boleh menggunakan misalnya pakaian seperti "T-shirt" yang membawa lambang parti yang lebih besar daripada yang dihadkan atau membawa lambang ketua-ketua parti atau tulisan dan slogan-slogan politik yang boleh ditafsirkan sebagai berkempen atau memancing undi. Dengan adanya undang-undang ini akan mengelakkan perselisihan faham dan pertelagahan apabila terdapat setengah-setengah lambang, simbol atau slogan yang digunakan ke atas pakaian seperti "T-Shirt" itu adalah bertujuan untuk menyinggung perasaan pihak lawan atau menimbulkan kemarahan pihak yang lain.

Perubahan juga dibuat kepada seksyen-kecil (1) seksyen 26B. Perubahan ini melibatkan urusan perayuan undi atau pemancingan undi yang memerlukan pengisian Borang "E". Mengikut peraturan yang baru, Borang "E" perlu digunakan bukan sahaja untuk berucap di dalam rapat umum atau ceramah tetapi juga sesiapa juga yang bertindak bagi pihak calon mengadakan perkumpulan dan perjumpaan-perjumpaan umum dalam bahagian pilihanraya sebagai

penganjur. Orang yang berkenaan hendaklah mempunyai kebenaran bertulis daripada calon atau agennya dengan menggunakan Borang "E" yang dikehendaki oleh undang-undang.

Seksyen-kecil (1) seksyen 33 dipinda untuk membolehkan Hakim Besar Malaysia dan Hakim Besar bagi Negeri-negeri Borneo memberi persetujuan masing-masing supaya Hakim Mahkamah Tinggi kedua-dua bahagian itu dapat dilantik apabila perlu untuk menjadi Hakim Pilihanraya di mana juga kawasan yang terlibat sama ada di Sabah dan Sarawak atau Semenanjung Malaysia. Maksud di sini ialah bagi kes petisyen pilihanraya hakim bagi kedua-dua Wilayah ini dapat bertukar ganti sekiranya persetujuan diberi oleh Hakim Besar kedua-dua bahagian yang berkenaan. Dengan adanya peruntukan ini, maka kes-kes petisyen pilihanraya akan dapat didengar dengan lebih lekas dan tidak terbantu disebabkan oleh ketiadaan hakim untuk mendengarnya.

Seksyen-kecil (4) seksyen 33 dipinda untuk menentukan bahawa bagi kes sementara "interlocutory" bersabit dengan petisyen pilihanraya, jika diputuskan oleh Mahkamah Tinggi adalah muktamad dan tidak boleh dirayu lagi. Ini adalah untuk menentukan bahawa petisyen sesuatu pilihanraya itu dapat diselesaikan seberapa segera yang boleh.

Demikianlah di antara perkara-perkara yang penting yang perlu saya terangkan bersabit dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan-keterangan yang saya berikan tadi dan memandangkan bahawa pindaan-pindaan kepada Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang

terkandung di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1986 telah digubal sedemikian rupa, ianya akan memperkemas dan melicinkan kawalan ke atas kesalahan-kesalahan pilihanraya dan prosedur-prosedur yang berkaitan dengannya, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak akan ragu-ragu bahkan akan memberikan sokongan sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Adakah di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

6.11 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun di dalam perbahasan kita membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dalam beberapa perkara dan beberapa huraian yang telah dihuraikan, saya menyokong penuh Akta ini dibawa ke Dewan ini dan untuk diluluskan pindaannya untuk mengelakkan supaya berulang berlakunya kesalahan-kesalahan di dalam masa kita menjalankan pilihanraya supaya tidak berlaku rasuah dan berbagai perkara yang boleh menimbulkan sesuatu pilihanraya itu dibawa ke Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang disebutkan di dalam huraian tadi iaitu mengenai dengan hari mengundi ditetapkan. Apabila hari mengundi ditetapkan, tadi di dalam membahaskan Akta yang pertama tadi, saya tertinggal satu perkara mengenai dengan daftar. Kalau kita menggunakan hari mengundi, membuang undi, maka mereka yang terlibat itu hendaklah dikatakan sama, iaitu pengundi. Di dalam daftar kita disebut Daftar Pemilih. Di dalam kertas-kertas Warta-warta Kerajaan yang ditampalkan di mana-mana pun mengatakan pemilih. Ada baiknya, saya memohon kepada jasa baik Suruhanjaya Pilihanraya supaya dapat memikirkan ini supaya senang, sebab kita di dalam ceramah-ceramah, di dalam kita menjalankan kerja-kerja pilihanraya pun kita kata pengundi-pengundi, "Tuan-tuan akan mengundi". Tetapi apabila pergi kepada daftar, kita pergi ke Daftar Pemilih. Sungguhpun makna pemilih dengan pengundi itu sama, tetapi dari segi sebutan, jikalau kita telah tentukan di sini hari mengundi, maka ada eloknya, saya sarankan supaya Daftar Pemilih itu juga diganti kepada Daftar Pengundi, supaya kita dapat selaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai had belanja untuk kerusi, untuk calon Dewan Rakyat daripada 20 dinaikkan kepada 50 dan calon kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 15,000 kepada 30,000. Sungguhpun kita dalam keadaan meleset, dalam keadaan muram tetapi hari ini kita akan meluluskan pindaan ini. Dalam kita berkata kita meleset, tetapi di dalam menghadapi pilihanraya, kalau 20 dinaikkan kepada 50, maknanya naik kepada 150%. Di dalam pilihanraya kita tidak menampakkan kemelesetan, berbelanjalah sehingga 150%.

Di sini di mana lojiknya, saya tidak tahu. Kemungkinan kalau saya

dicalonkan, saya memang suka, kalau dibenarkan berbelanja banyak, sungguhpun saya tidak ada duit. Kerana hari ini setiap tenaga yang bergerak dalam pilihanraya, melangkah sahaja satu langkah, duit. Sekeping poster kalau tidak ada 50 sen tidak akan tertampal. Kalau saya katakan tadi kalau satu pengundi katalah pengundi di kawasan Kuala Langat ada 42,000 kalau satu poster 50 sen ertinya tampal poster sahaja memerlukan kepada \$21,000. Kalau satu ceramah berkelompok \$50 kalau memerlukan 150 ceramah, kali \$50 sudah \$7,500, jumlah sudah \$28,500. Kalau pengangkutan daripada 36 pusat membuang undi, di sini tidak ada pula menyatakan kesalahan menggunakan pengangkutan yang berlebihan.

Sepatutnya satu pusat mengundi itu, jika sekiranya pengundinya di antara 700 sehingga 1,000 dibenarkan berapa kereta yang boleh mengangkut. Kalau satu kereta mengangkut 50 orang, kalau 1,000 pengundi, kalau 300 pengundi akan datang sendiri dengan rela hati, 700 pengundi yang perlu diangkut, kita memerlukan 15 buah kereta. Kerana berlaku di dalam satu-satu pilihanraya kecil, satu pusat membuang undi yang pengundinya hanya 1,000 orang tetapi bantuan daripada luar, datang kereta mencurah-curah sehingga 30-40 biji kereta yang ditampal dengan lambang parti calon masing-masing. Kalau kesalahan ini juga melibatkan kepada pengangkutan di hari membuang undi, selama ini kita tidak ada etika begitu, cuma kita menggunakan budibicara, sebuah kereta mengangkut 50 pengundi, kalau pengundi di situ dijangka 500 perlu diangkut, kita gunakan 10 buah kereta.

Kalau ini Suruhanjaya Pilihanraya memikirkan perlu dimasukkan di dalam Akta Kesalahan Pilihanraya, kepada calon-calon yang mengangkut pengundi dengan lori-lori ladang tanpa

permit, ini berlaku, dan pernah berlaku pengangkutan ataupun trailer di ladang mengangkut buah digunakan untuk mengangkut pengundi di hari pengundian. Kalau ini juga kita perlu memikirkan. Kalau berlaku trailer itu termasuk gaung, berlaku kematian, insurannya tidak ada, siapa yang hendak disalahkan. Dan pada hari mengundi juga, bagaimana dengan kenderaan pengangkutan awam, teksi dan bas, salah atau tidak di dalam Akta Pilihanraya digunakan sebagai pengangkut pengundi? Bas sekolah, bas yang hanya mempunyai permit, bas kilang yang kecil-kecil digunakan oleh calon-calon untuk mengangkut pengundi.

Juga ini kesalahan-kesalahan yang sepatutnya difikirkan sama ada ada atau tidak di dalam kesalahan-kesalahan pilihanraya ini, saya mohon penjelasan. Jika sekiranya tidak ada, perlulah pihak Kerajaan, pihak Suruhanjaya Pilihanraya memikirkan perkara ini supaya dapat menjadi manfaat dan maklumat kepada orang ramai, kepada pengundi-pengundi.

Perkara yang saya akan sentuh mengenai dengan membawa label sebagai lencana parti, membawa apa-apa bendera, marwal—marwal ini apa? Ini istilah yang berat sangat, marwal, tertunggul. Tertunggul ini bendera tiga segi. Panji-panji pun jenis bendera juga, poster atau lebel sebagai lencana parti seperti yang melekat pada baju "T" yang disebut dalam huraian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah termasuk dengan topi? Dalam huraian ini tidak disebut topi, topi yang ada lambang. Ini elok. Saya menyokong pindaan ini, saya menyokong kesalahan-kesalahan yang dinyatakan begitu, tetapi kita akan menghadapi nanti bahawa pilihanraya jika sekiranya kesalahan-kesalahan ini akan diketahui oleh penyokong-penyokong seseorang calon sesebuah parti, pilihanraya kita

tidaklah semeriah yang sudah-sudah; tidak adalah berwarna-warni, gambar-gambar pemimpin pun tidaklah diusung di belakang baju "T" ke hulu ke hilir. Pilihanraya berjalan dengan sebersih-bersihnya jika sekiranya kita yakin dan sekiranya kita berfikir bahawa lambang parti itu juga sebenarnya dalam pilihanraya mempunyai pengaruh yang besar, yang selama ini kesalahan membawa lambang-lambang ini ke tempat membuang undi. Tetapi sekarang ini menegah perbuatan memberi, membekalkan, memakai, membawa atau menggunakannya berhubung dengan hari mengundi. Maknanya berkeliaran di luar itu pun tidak boleh lagi memakai baju "T" yang berlambangkan pemimpin ataupun lambang parti satu-satu calon. Yang sudah-sudah ini kalau kita pakai baju "T" ada gambar Dr Mahathir misalnya, ada gambar Dr Yusof Noor, kita tutup dengan kemeja biasa, maka kita pun pergilah ke tempat mengundi, lepas itu kita keluar balik, buka balik kemeja biasa, kita pun adalah di pondok tempat menanti pengundi-pengundi, kita kempen terus. Adakah kesalahan ini seperti yang sudah-sudah, maknanya kita tidak boleh terus memakai baju "T" di hari membuang undi itu sepanjang masa?

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya mendapat penjelasan mengenai dengan borang "E" kepada pekerja. Kesalahan-kesalahan dalam pilihanraya mengenai ini sekarang ini kita longgar kerana di setengah-setengah tempat saya tengok parti-parti politik menggunakan anak-anak di bawah umur 21 tahun; umur 15-16 tahun terlibat sama di dalam kerja-kerja pilihanraya. Jadi ini perlu ditekankan, mereka yang dibolehkan diberi permit "E" ini umur berapa? Kalau kita hendak galakkan anak-anak muda kita campur dalam pilihanraya, kita benarkan. Siapa yang sudah berumur 18 tahun dia boleh dapat permit "E" tetapi tidak boleh

mengundi, atau barangkali kita tidak mahu anak-anak muda ini terlibat, kita kena jaga betul-betul, kita kena kawal betul-betul. Apabila ada satu-satu complaint, ada satu-satu petition daripada satu pihak mengatakan pihak "A" menggunakan anak-anak di bawah umur 18 tahun, hendaklah tindakan diambil. Kalau tindakan tidak diambil maka orang akan tuduh bahawa Suruhanjaya berat sebelah, ini pernah berlaku. Jadi kita tidak mahu, saya tidak mahu Suruhanjaya Pilihanraya sebagai badan bebas ini dituduh oleh orang ramai berat sebelah.

Selama ini kita ada mendengar beberapa tuduhan yang seperti itu kerana apabila ada complaint, ada petition, mengatakan parti ini, calon ini menggunakan murid-murid sekolah, bergerak dalam kempen pilihanraya, tidak ada tindakan apa-apa. Jika sekiranya ada tindakan dan didapati memang melakukan kesalahan yang seperti itu, jadi kesalahan-kesalahan ini akan dijatuhkan hukuman macam mana? Adakah memadai dengan hukuman denda sahaja, adakah akan melibatkan calon di dalam kawasan pilihanraya tersebut boleh dibawa ke mahkamah untuk diadili kesahihan kemenangannya sehingga ditangguhkan pilihanraya di kawasan itu? Ini juga kita perlu memikirkan supaya orang ramai, pengundi-pengundi khususnya, dapat merasai keadilan, dapat merasai kesaksamaan daripada kemanfaatan demokrasi berparlimen yang kita dukung selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan sesungguhnya, dengan sepenuh-penuhnya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, dipersilakan. Kita

ada masa sedikit lagi. Kalau tidak ada, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

6.24 ptg.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mahamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, masa ada 5 minit. Walaupun jawapan itu memerlukan masa yang panjang, saya akan ringkaskan untuk mengulas beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom tadi, di antaranya mengenai dengan di mana lojiknya kita menaikkan had perbelanjaan pilihanraya daripada \$20,000 kepada \$50,000 bagi Dewan Rakyat dan \$15,000 kepada \$30,000 bagi Dewan Undangan Negeri.

Di samping alasan yang telah saya sebutkan dalam persembahan tadi, iaitu inflasi, sebenarnya terdapat beberapa faktor lain iaitu seorang ahli politik pada hari ini hendaklah menunjukkan kebolehan dan kemampuan atau persediaan mereka untuk memberi lebih banyak daripada menerima. Pada masa-masa yang lepas memang inilah merupakan satu sejarah bagi perjuangan rakyat di Malaysia ini. Mereka yang terlibat dalam politik, mereka lebih banyak memberi daripada menerima. Mereka beri banyak, hati mereka senang tetapi pada masa akhir-akhir ini kita dapati ada orang yang dapat tetapi hati mereka susah.

Jadi kita di samping keadaan inflasi yang berlaku di negeri kita, kita harap kenaikan ini akan dapat disambut dengan baik, kerana ini merupakan satu peringatan bahawa mereka yang terlibat dalam pilihanraya, yang mahu bertanding, yang terlibat dalam pencalonan sudah tentu mereka tidak sangat memikirkan tentang figure atau angkanya, tetapi yang pentingnya ialah tentang perjuangan mereka.

Tentang beberapa perkara yang disebutkan mengenai dengan simbol-simbol yang digunakan dalam masa

pilihanraya, sebenarnya adalah memang susah kita hendak menentukan tentang "T" shirt atau lain-lain lambang kerana kadang-kadang ada juga orang yang tidak memakai apa-apa, mungkin mereka pakai yang bawah sahaja, tetapi tidak di atas—kita panggil "topless". Mereka juga boleh melukis gambar-gambar pada badan mereka. Ini memang tidak disebut dan kerana itulah kita menyebutkan perkara-perkara itu sebagai contoh dan sudah tentulah pihak Suruhanjaya akan melihat perkara ini kerana dalam masa perkembangan teknologi moden ini berbagai-bagai rekaan boleh dibuat. Mungkin yang "topless" itu bila dilukis lebih menarik perhatian tetapi mungkin mereka akan mengatakan bahawa ini tidak termasuk dalam peraturan atau undang-undang kerana tidak disebutkan. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana kita telah meramalkan perkembangan teknologi moden ini, maka kita anggapkan perkara itu sebagai contoh-contoh sahajalah.

Mengenai dengan perkara-perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa terhad, saya ambil ingatan dan saya yakin dan boleh berjanji bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil perhatian yang berat mengenai dengan perkara-perkara yang disebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-
kan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
perkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi
sebahagian daripada Rang Undang-
undang.

Rang Undang-undang dilaporkan
dengan tidak ada pindaan: dibacakan
kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat sekalian, sekarang
saya tangguhkan Dewan yang mulia
ini sehingga jam 3.00 petang hari esok,
Jumaat, 18hb April, 1986.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*